

Adu masalah jalan  
di Facebook

2

Karnival tawar lebih  
10,000 peluang kerja

4

Pembinaan kompleks  
sukan bermula Oktober

5

Khidmat guaman  
percuma kes syariah

6

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 15 - 21JUN 2023

www.selangorkini.my

## Selangor kubu Kerajaan Perpaduan

Semua termasuk penjawat awam harus mengekal pentadbiran sedia ada berikutan prestasi cemerlang negeri yang menjadi induk ekonomi negara dalam mengembalikan kegemilangan Malaysia di rantau ini

MUKA 4

### Cipta 3,600 peluang kerja bergaji tinggi

Mulai 2025, enam projek Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) dijangka menarik pelaburan RM1.9 bilion. Projek berkenaan sedia peluang kerja berpendapatan tinggi kepada penduduk tempatan

MUKA 2



Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari selepas Majlis Amanat Khas YAB Perdana Menteri kepada penjawat awam negeri di bangunan pentadbiran negeri, Shah Alam pada 12 Jun 2023. Foto AHMAD ZAKKI JILAN ▶ BERITA MUKA 4 & 17

## pancawarna

### Tahan uji, tekad terus berkhidmat

Sejak 2018, Amirudin harungi ujian demi berbakti kepada rakyat

9



### Sasar pendapatan RM9,290 sebulan

Rancangan lima tahun Selangor garis 14 pencapaian menjelang 2025

11

### Dekati ulama, suburkan ilmu

MB suka majlis agama, galakkan terjemahan buku

14



## Adu kerosakan jalan di Facebook

**SHAH ALAM** - Sistem aduan kerosakan jalan raya di negeri ini akan diperluas ke Facebook untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata cadangan itu tambahan kepada penggunaan aduan Twitter yang dikendalikan Infrasel Sdn Bhd (Infrasel), agensi penyelenggara jalan negeri.

Beliau menjelaskan kaedah pelaporan kerosakan jalan ketika ini lebih mudah berikutan pengadu hanya perlu menggunakan tanda pagar diikuti nama jalan dan daerah.

"Sistem aduan ini akan diperluas ke Facebook. Kita akan sentiasa memudahkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan rakyat demi kemajuan negeri ini," katanya pada 7 Jun.

## Tiga PBT jadi tumpuan pelabur

**SUBANG JAYA** - Tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) diiktiraf lokasi pelaburan utama negeri berdasarkan nilai pelaburan antara 2019 hingga 2022.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata PBT tersebut ialah Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Klang dan Majlis Perbandaran Kuala Langat.

"Beberapa tahun ini, banyak pelabur besar masuk di Petaling, Klang dan Kuala Langat. Semua agensi di harap meneruskan usaha menarik lebih ramai pelabur," katanya pada 6 Jun.

Beliau berkata demikian dalam majlis anugerah Apresiasi Pelabur Selangor anjuran Invest Selangor, sebuah agensi penggalakan pelaburan negeri.

Majlis itu turut memberi penghargaan kepada pelabur tempatan dan luar negara yang merekod nilai pelaburan tertinggi selain pengiktirafan kepada pelabur yang mencatat pencapaian luar biasa.

# RS-1 kukuh kerjasama negeri-swasta

**SUBANG JAYA** - Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang menjadi kerangka pembangunan negeri untuk tempoh lima tahun memperkukuh kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan pelan hala tuju yang dilancar Ogos tahun lalu mempermudah operasi perniagaan dan mewujudkan persekitaran keusahawanan.

Katanya, ekonomi diperkukuh dengan mewujudkan Zon Pembangunan

Ekonomi Gerbang Maritim Selangor, Wilayah Pembangunan Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS) dan Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA).

"Mengambil contoh SABDA, ia usaha meningkatkan pengeluaran sektor pertanian dan pengeluaran makanan. Langkah ini mengurangkan kebergantungan kepada makanan import," katanya pada 6 Jun.

Amirudin dalam majlis Apresiasi Pelabur Selangor menambah pelan berkenaan dilengkapi sistem pendigitalan

selaras matlamat menjadi Negeri Pintar menjelang 2025.

"Ini akan memudahkan lagi urusan tadbir dan menjamin proses perniagaan yang lebih baik. Semua usaha ini untuk menjamin kebajikan dan manfaat rakyat," katanya.

RS-1 diumumkan bagi membentuk ekonomi mampan selain mencapai hasrat negeri menyumbang 30 peratus Keeluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2025.

## SABDA tarik pelaburan RM1.9 bilion

# 3,600 peluang kerja gaji tinggi

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**SABAK BERNAM** - Enam projek bawah Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) yang dijadual beroperasi mulai 2025 bakal menarik pelaburan sehingga RM1.9 bilion.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan pembangunan itu sekali gus dijangka mencipta 3,600 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada penduduk setempat.

Beliau menambah projek berkenaan termasuk Smart Selangor Agro Park di Changkat Menteri, pusat perikanan berteknologi tinggi di Sekinchan dan Pusat Perniagaan Air Manis.

Katanya, projek lain adalah Pusat Rehat dan Rawat Sabak Bernam, agropelancongan di Sekinchan dan pusat setempat pembinaan serta penyelenggaraan bot atau kapal nelayan di Sungai Lang.

"Pembangunan SABDA seluas 1,317 hektar membawa nilai pelaburan RM1.9 bilion iaitu kira-kira RM248 juta setahun dan mencipta 3,600 peluang pekerjaan bergaji tinggi.

"Kita harap enam projek ini membantu urusan ekonomi seterusnya SABDA jadi magnet menarik pelaburan," katanya yang menyempurnakan pengenalan SABDA di Kampung Parit Sepuluh di sini pada 9 Jun.

Amirudin turut mengajak sektor

perindustrian swasta dalam teknologi digital dan komunikasi bersama membangunkan keperluan pendigitalan daripada aspek pertanian pintar.

"SABDA boleh menjadi pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi industri makanan mampan serta sebagai 'showcase' kepada rantau Asia Tenggara.

"Jika semua ini dijayakan, kita berpeluang membina rangkaian dengan syarikat antarabangsa dalam bidang pemakanan serta industri pemrosesan dan logistik," katanya.

SABDA antara projek yang terkandung dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) membabitkan pembangunan tanaman bernilai tinggi.

## Dua projek perikanan siap 2027

**SABAK BERNAM** - Dua projek perikanan berskala besar yang dibangunkan menerusi projek Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) dijadual siap pada 2027.

Ketua pegawai eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata ia meliputi pelabuhan perikanan dan kilang pemprosesan, pem-

bungkusan tuna serta ikan laut dalam, pertama di negara ini.

Norita Mohd Sidek menambah pelaksanaan projek tersebut antara langkah bagi memastikan jaminan bekalan makanan untuk jangka panjang kepada negeri dan negara.

"Projek industri perikanan Sungai Lang yang akan dibangunkan bersa-

ma MBI Selangor dan Alpha Ocean Resources Berhad (AORB) dijangka mencipta antara 2,500 hingga 5,000 peluang pekerjaan.

"AORB akan melabur RM100 hingga 150 juta untuk fasa pertama pembangunan ini," katanya sempena pelancaran SABDA yang disempurnakan Dato' Seri Amirudin Shari pada 9 Jun.

## Pelaburan RM60 bilion tahun lalu

**SHAH ALAM** - Selangor menerima nilai pelaburan RM60 bilion sepanjang tahun lalu sekali gus mencipta lebih 19,000 peluang pekerjaan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan RM7.4 bilion nilai pelaburan direkod antara Januari hingga Mac tahun ini.

"Dalam tempoh tiga bulan itu, kita buka 5,300 peluang kerjaya yang bukan hanya menumpukan kerja biasa sebaliknya kerjaya berkemahiran.

"Ini hasil usaha Kerajaan Negeri. Selepas lawatan ke Berlin (Jerman) pada 2019, kita ada jaringan kerja dan dapat kembangkan kemahiran teknikal dan vokasional (TVET)," katanya.

Terdahulu, beliau merasmikan majlis konvokesyen ke-23 Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Selangor (STDC) di bangunan pentadbiran negeri di sini pada 10 Jun.

Pada Mac, Amirudin memaklumkan Selangor menarik 265 projek pelaburan

sektor pengilangan melibatkan jumlah RM12.2 bilion pada tahun lalu.

Data Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Mida) membuktikan keyakinan pelabur dari dalam dan luar negara yang memilih Selangor sebagai destinasi pelaburan utama.

Pada 2019, Amirudin mengetuai delegasi kerja ke Berlin merangkumi beberapa siri perbincangan konglomerat selain lawatan ke pusat latihan industri terkenal.

**IMBAS DI SINI**  
akhbar digital minggu lepas





"JOM RIUH BERSAMA!"

# DISCOVER PKNS

ANTARA GAPI

## 17 DAN 18 JUN 2023

TASIK  
ANTARA GAPI

SABTU 7.30 PAGI - 11.00 MALAM  
AHAD 7.00 PAGI - 6.00 PETANG



PELBAGAI  
AKTIVITI DAN  
HADIAH MENARIK  
MENANTI ANDA



JUALAN UNIT TERAKHIR  
**AZHARA & CASSIA**  
RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT

PERCUMA PAKEJ HIASAN DALAMAN DAN BARANGAN ELEKTRIK  
SAMSUNG BERNILAI SEHINGGA **RM50K.**

03 5525 0300

pkns.gov.my

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor  
PKNS OFFICIAL



## Bangun luar bandar pastikan kebajikan

**KUALA SELANGOR** - Rancangan Selangor Pertama (RS-1) memastikan kebajikan semua penduduk di kawasan utara negeri terjamin.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pentadbiran negeri berazam untuk menyusun rancangan pembangunan yang membawa kemajuan dan kemakmuran kepada penduduk.

"Sejak 2018, kita ada pelan untuk bangunkan Tanjong Karang, juga beberapa projek di Kuala Selangor ke Sekinchan. Kita ada idea baharu untuk imbangi pembangunan bandar dan luar bandar.

"Dengan pengalaman dan semangat Kita Selangor yang kita kumpulkan, saya yakin kita dapat meneruskan rancangan dan pembangunan negeri ini," katanya pada 9 Jun.

## 32 peratus hidap darah tinggi, obesiti

**SHAH ALAM** - Keputusan program saringan kesihatan percuma pada tahun lalu menunjukkan 32 peratus daripada 22,767 peserta mengalami penyakit darah tinggi dan obesiti tanpa sedar.

Menerusi infografik di Facebook EXCO Kesihatan Awam Dr Siti Mariah Mahmud, ramai peserta Selangor Saring mengalami salah satu penyakit berkenaan tetapi belum didiagnosis.

"Tekanan darah yang kekal tinggi boleh menyebabkan komplikasi seperti serangan jantung, angin ahmar, kegagalan jantung dan kerosakan buah pinggang," katanya pada 8 Jun.

Bacaan tekanan darah tinggi adalah 180/110mmHg manakala tekanan stabil pada paras 130/80mmHg.

Pada 31 Mei, Dr Siti Mariah memaklumkan Selangor Saring mencatat kadar kehadiran 22,767 individu atau 68.36 peratus mendapat manfaat sejak tahun lalu.

Program tersebut antara enam inisiatif pentadbiran Selangor untuk rakyat negeri ini bermula dari saringan percuma, bantuan kewangan dan pembiayaan.

Sebanyak RM3.4 juta diperuntuk bagi melaksanakan inisiatif tersebut, yang menasaskan individu ada sejarah perubatan keluarga, obesiti dan gaya hidup tidak sihat.

Maklumat lanjut hubungi 1-800-22-6600 atau klik selangorsaring.selangkah.my/

## Bakal jadi hab digital serantau

**PETALING JAYA** - Hasrat Selangor untuk menjadi hab digital serantau berada di landasan baik berikutan Perbadanan Teknologi Maklumat dan Ekonomi Digital Selangor (Sidec) membangunkan 150 komuniti pemula.

EXCO Perdagangan Dato' Teng Chang Kim percaya inisiatif tersebut bakal memacu pertumbuhan digital ekonomi negara dengan membangunkan ekosistem tempatan hasil sokongan pelbagai pihak.

"Sidec bangunkan program seperti Pitch Malaysia Series USA dan Selangor Accelerator Program (SAP) bu-

kan untuk pasaran domestik sahaja tetapi untuk capai peringkat global yang bermula dari bawah," katanya pada 8 Jun.

Chang Kim menambah program tersebut juga sebahagian usaha membantu usahawan memperkenalkan produk mereka sekali gus melahirkan syarikat berstatus unicorn menjelang 2025.

"Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada syarikat pemula di tanah air untuk lebih berdaya saing," katanya.



Sebelum ini, Sidec membuka peluang sembilan syarikat pemula membenteng idea inovatif kepada pelabur global melalui program Pitch Malaysia Series USA di Silicon Valley dan Washington DC, Amerika Syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Yong Kai Ping berkata program kesemua pemula berpeluang menjalin rangkaian dengan masyarakat warga Malaysia di luar negara dan mengadakan pembentangan bersama syarikat pemula di Amerika Syarikat dan global.

## Selangor kubu Kerajaan Perpaduan

# Pertahanan induk ekonomi negara

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**SHAH ALAM** - Semua pihak terutama penjawat awam harus mempertahankan Selangor sebagai kubu Kerajaan Perpaduan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menegaskan Selangor mencatat prestasi terbaik di negara ini, beliau menyeru kakitangan kerajaan yang menjadi tonggak pembangunan negeri untuk mempertahankan negeri berkenaan.

"Saya mengharap betul-betul kepada saudara saudari (penjawat awam Selangor) kerana Selangor ini kubu

Kerajaan Perpaduan.

"Saya harap saudara saudari faham keperluan kita pertahankan bukan kerana sentimen atau jaminan upah tetapi kerana ini negeri yang mencatat kemajuan terbaik selain dari Sarawak.

"Bukan sekadar kekalkan kerajaan yang ada, kita sokong kerana kita tahu prestasinya dan komitmen untuk selamatkan negara kita," katanya.

Beliau berucap pada majlis Amanat Khas Bersama Penjawat Awam Selangor di bangunan pentadbiran negeri pada 12 Jun. Turut hadir Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Anwar juga mengajak semua pen-

jawat awam sebagai tonggak negeri supaya berani untuk mengembalikan maruah dan imej Malaysia sebagai negara hebat di rantau ini.

"Kembalikan maruah kita sebagai negara hebat dan buktikan dengan usaha kita dalam setahun, dua, atau tiga tahun ini angkat martabat Malaysia sebagai negara hebat di rantau ini.

"Tengok prestasi Selangor, boleh (dan) boleh lagi kita angkat kerana Selangor ada peranan penting dalam pertahanan induk dan kekuatan ekonomi negara. Sebab itu ramai orang nak rampas. Jangan bagi peluang dia mencelah," katanya.

## Tawar lebih 10,000 peluang kerja

**SHAH ALAM** - Lebih 10,000 peluang pekerjaan ditawarkan dalam Karnival Kerjaya Mega Selangor di Pusat Konvensyen Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) di sini pada 17 dan 18 Jun.

EXCO Pembangunan Modal Insan Mohd Khairuddin Othman berkata hampir 100 majikan dari pelbagai sektor antaranya per-



bankan, perhotelan, teknologi maklumat, pembuatan dan automotif terlibat.

"Pelbagai jawatan kosong turut ditawarkan menerusi sektor pendidikan latihan, makanan dan minuman, borong dan peruncitan serta pemasaran dan jualan," katanya pada 8 Jun.

Karnival sama di lokasi sama pada 11 dan 12 Jun tahun lalu disertai lebih 100

syarikat termasuk badan kerajaan dan agensi Kerajaan Negeri.

Terbuka kepada mereka yang mencari kerja atau baru tamat pengajian, sesi temu duga bersemuka turut disediakan.

Inisiatif tersebut membantu 1,996 individu mendapat pekerjaan. Individu berminat boleh mendaftar di laman sesawang [www.selangorjobportal.com.my](http://www.selangorjobportal.com.my) untuk maklumat lanjut.

### Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
15 Khamis	5:41	5:51	7:04	1:16	4:42	7:25	8:41
16 Jumaat	5:41	5:51	7:04	1:17	4:42	7:26	8:41
17 Sabtu	5:41	5:51	7:04	1:17	4:43	7:26	8:42
18 Ahad	5:41	5:51	7:04	1:17	4:43	7:26	8:42
19 Isnin	5:42	5:52	7:04	1:17	4:43	7:26	8:42
20 Selasa	5:42	5:52	7:05	1:18	4:43	7:27	8:42
21 Rabu	5:42	5:52	7:05	1:18	4:44	7:27	8:43

### Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:42	5:52	7:05	1:17	4:43	7:25	8:41
	5:42	5:52	7:05	1:17	4:43	7:26	8:41
	5:42	5:52	7:05	1:17	4:43	7:26	8:42
	5:42	5:52	7:05	1:18	4:43	7:26	8:42
	5:42	5:52	7:06	1:18	4:44	7:26	8:42
	5:43	5:53	7:06	1:18	4:44	7:27	8:42
	5:43	5:53	7:06	1:18	4:44	7:27	8:43

### Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
	5:42	5:52	7:05	1:19	4:45	7:28	8:44
	5:42	5:52	7:05	1:19	4:45	7:28	8:44
	5:42	5:52	7:05	1:19	4:45	7:28	8:44
	5:42	5:52	7:05	1:19	4:45	7:29	8:44
	5:43	5:53	7:06	1:20	4:45	7:29	8:45
	5:43	5:53	7:06	1:20	4:46	7:29	8:45
	5:43	5:53	7:06	1:20	4:46	7:29	8:45



**PEKA...** Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (tengah) menyerahkan Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) bernilai RM2 juta sempena Selangor Youth Festival 2023 di Dataran Karnival Stadium Shah Alam pada 10 Jun. Foto FIKRI YUSOF ▶ BERITA MUKA 24

Pelihara kepentingan masyarakat

# Islam, Melayu teras RS-1

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SHAH ALAM** - Kepentingan Islam dan Melayu antara teras utama dalam kerangka Rancangan Selangor Pertama (RS-1), kata EXCO agama Islam Mohd Zawawi Ahmad Mughni.

Beliau menjelaskan rancangan lima tahun itu memberi penekanan terhadap dua teras tersebut dalam merangka pembangunan dan kemajuan negeri seiring teknologi semasa.

"Menerusi pelan RS-1, Selangor berada di landasan tepat dan bergerak mengikut hala tuju termasuk hal ehwal Islam, kelestarian sosial serta kebajikan masyarakat.

"Teras Melayu dan Islam termasuk nilai dan ciri-ciri diutamakan supaya kegemilangan Melayu suatu ketika dahulu dapat ditonjol semula," katanya.

Berucap merasmikan Konvensyen Islam dan Melayu di bangunan pentadbiran negeri pada 14 Jun, Mohd Zawawi berkata program itu bertujuan melahirkan insan yang teguh berpegang nilai Islam.

"Ini kena pertahankan kerana ia kekuatan orang Melayu. Jadi, program ini menyasarkan barisan pemimpin, majlis pengurusan komuniti kampung,

nazir, ahli majlis selain ahli politik.

"Kita sasar kumpulan ini supaya mereka lebih faham dan jelas hala tuju untuk menjadikan Selangor sebagai negeri yang utamakan Melayu serta syiar Islam," katanya.

Beliau menambah Selangor antara negeri yang memiliki bilangan guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) tertinggi iaitu seramai 7,650 orang dan 650 lagi bakal dilantik dalam masa lima tahun.

"Kerajaan Negeri menyediakan pelbagai nilai tambah kepada golongan ini terutama dalam aspek pendidikan. Mereka juga menerima gaji minimum RM1,500.

"Guru Kafa negeri ini turut mendapat latihan dan kursus bagi menambah kemahiran mereka," katanya dalam program anjuran Institut Darul Ehsan.

Dana RM14.6 juta disediakan bagi menambah bilangan guru Kafa secara berperingkat termasuk 150 dilantik tahun ini. Mereka menerima caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Perkeso.

Acara berbentuk keagamaan dipergiat, terbaharu rancangan mengadakan pengajian kitab ke semua sembilan daerah susulan kejayaan Festival Turath Islami Selangor yang berakhir pada 25 Mei.



## Kompleks sukan dibina Oktober

**SHAH ALAM** - Projek pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam (KSSA) seluas 76.08 hektar dijadual bermula pada Oktober, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menjelaskan projek yang sepatutnya bermula pada bulan ini terpaksa ditunda berikutan Kerajaan Negeri mahu meneruskan perbincangan bagi mendapatkan kos harga terbaik.

"Dalam mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) yang lepas, kita sudah putuskan. Kita akan cuba lihat kerja-kerja dimulakan pada Oktober.

"Kita terpaksa ambil masa. Sepatutnya (dimulakan) bulan ini tetapi kita mahu bincang untuk dapat harga lebih baik dari syarikat," kata beliau pada 10 Jun.

Amirudin menambah Kerajaan Negeri juga sedang melaksanakan proses penghantaran Kebenaran Merancang bagi pembangunan semula kompleks sukan tersebut.

Menurutnya, projek bersifat perkongsian awam-swasta itu dijangka siap pada 2026 tetapi mengalami sedikit kelewatan berbanding tarikh asal yang ditetapkan sebelum ini.

**TROPICANA AMAN**  
KOTA KEMUNING

**UNIT BUMIPUTERA, PAKEJ ISTIMEWA UNIT TERHAD**

**POTONGAN HARGA BUMIPUTERA**

<p><b>ELEMEN RESIDENCES</b></p> <p>RUMAH TERES 2 TINGKAT 26' x 80'</p>	<p><b>TRIANA</b> 2 &amp; 3-Storey Shop-Offices</p> <p>KEDAI PEJABAT 24' x 70' / 35' x 70'</p>
<p><b>FREESIA RESIDENCES</b></p> <p>RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT 48' x 80' / 38' x 90'</p>	<p><b>GEMALA RESIDENCES</b></p> <p>RUMAH TERES 2 TINGKAT 32' x 75' / 32' x 87'</p>

**1700 81 8868**  
tropicanaaman.com.my

TROPICANA AMAN PROPERTY GALLERY  
No.2, Persiaran Aman Perdana 3, Bandar Tropicana Aman,  
42000 Teluk Panglima Garang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

TROPICANA



*Tahniah*

**ULANG TAHUN KELIMA  
PENTADBIRAN**

**Y.A.B. DATO' SERI AMIRUDIN SHARI**

*Selaku*

**Dato' Menteri Besar Selangor  
Pada 19 JUN 2023**

*Ikhlas Daripada*



#KitaSelangor

# Tahniah

## ULANG TAHUN KELIMA PENTADBIRAN

Y.A.B. DATO' SERI AMIRUDIN SHARI

Selaku

Dato' Menteri Besar Selangor  
Pada 19 JUN 2023

*Ikhlas Daripada*



KUMPULAN SEMESTA SDN BHD  
DAN ANAK SYARIKAT

AQUASEL



KSSB  
CONSULT



KUALA LANGAT  
MINING

Darul Khusus  
Venture Sdn Bhd

## Lanjut masa operasi dua klinik

**SHAH ALAM** - Dua klinik kesihatan awam di negeri ini menyediakan perkhidmatan lebih masa pada setiap hari termasuk hujung minggu dan cuti umum mulai 8 Jun.

Menurut Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor, pusat kesihatan tersebut ialah Klinik Kesihatan Ampang dan Klinik Kesihatan Taman Ehsan di Gombak.

Kedua-dua premis berkenaan beroperasi antara 8 pagi hingga 9 malam pada Isnin hingga Jumaat.

Pada Sabtu, Ahad dan cuti umum, kedua-dua kemudahan itu dibuka mulai 9 pagi hingga 9.30 malam.

Pada 10 Mac, Kementerian Kesihatan memaklumkan waktu operasi 52 klinik di seluruh negara dipanjangkan hingga 9.30 malam bagi mengurangkan kesesakan di jabatan kecemasan hospital.

## Peluang luas pasaran ke Brunei

**SHAH ALAM** - Usahawan yang mahu mengembangkan perniagaan ke luar negara dipelawa menyertai program bimbingan eksport ke Brunei secara percuma pada 21 dan 22 Jun.

Pengurus Pembangunan Usahawan Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) Elyani Iza Zuber berkata 40 usahawan disasar mengikuti program itu yang bertujuan melahirkan usahawan berdaya saing.

Beliau berkata peserta bakal didedahkan antaranya model perniagaan dan pelan pemasaran, strategi penjenamaan, pengiklanan, peraturan dan piawaian serta pelan tindakan dan agihan.

"Kita sediakan bimbingan intensif daripada jurulatih berpengalaman bagi bantu peserta buat persediaan rapi sebelum pasarkan produk mereka ke luar negara," katanya pada 9 Jun.

Menjelaskan keutamaan diberi kepada usahawan yang aktif dan ada baki pinjaman, Elyani Iza berkata pendaftaran dibuat menerusi pautan [www.hijrahpro.my/app/s/4-program-bimbinganeksportkebrunei11](http://www.hijrahpro.my/app/s/4-program-bimbinganeksportkebrunei11)

## 5,000 keluarga nikmati jualan

**SUBANG JAYA** - Lebih 5,000 keluarga di Dewan Undangan Negeri (DUN) Subang Jaya menerima manfaat program jualan murah anjuran Kerajaan Negeri yang diadakan sejak Januari tahun ini.

Wakil rakyatnya Michelle Ng Mei Sze berkata sebanyak 12 program Jualan Ehsan Rakyat (JER) diadakan dalam tempoh tersebut, terbaharu berlangsung pada 7 Jun.

"Kita cuba adakan lebih banyak program JER. Kita sedang memohon dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor," katanya di Flat Court 6 Good Year Subang Perdana, USJ 8 di sini," katanya.

# 2.6 juta pengguna aplikasi parkir

**SHAH ALAM** - Seramai 2.6 juta pengguna menggunakan aplikasi Smart Selangor Parking (SSP) sejak diperkenalkan pada Julai 2018, kata EXCO pengangkutan awam.

Ng Sze Han berkata sistem bayaran parkir itu antara inisiatif bagi mendigitalkan urusan 10 pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi memudahkan pembayaran parkir dan saman.

"Boleh dikatakan (SSP) projek paling berjaya sehingga hari ini kerana

maklum balas yang kita terima hampir 100 peratus kata bagus. Semua orang puas hati dengan SSP.

"Setakat ini, kita merekod 2.6 juta muat turun, bermakna ada 2.6 juta pengguna SSP yang merupakan aplikasi parkir nombor satu atau paling besar di Malaysia," katanya pada 8 Jun.

Sze Han menjelaskan pengguna tidak lagi perlu membeli kupon berbeza untuk setiap PBT kerana seluruh Sela-

ngor menggunakan aplikasi tunggal.

Beliau menambah langkah itu bukan sahaja memudahkan pengguna tetapi secara tidak langsung mengurangkan penggunaan kertas iaitu kupon bergores.

Dibangunkan Smart Selangor Delivery Unit (SSDU), aplikasi itu lebih mudah, cepat dan selamat.

Pengguna hanya perlu isi nombor pendaftaran kereta dan bayaran dibuat berdasarkan tempoh parkir.

## Guru sepakat kunjungi jualan murah

# Hidangan percuma murid B40

Oleh **AZIAN AZIZ**

**SUBANG JAYA** - Sekumpulan guru membeli barangan dalam program jualan murah bagi menyediakan makanan percuma kepada murid dari kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40).

Fuziana Yahaya, 52, dari Sekolah Rendah Kebangsaan Seafields bersama dua lagi guru mengambil kesempatan waktu rehat untuk membeli barangan tersebut untuk dimasak pekerja kantin.

Mereka mengumpul duit bagi membeli ayam, daging, telur dan beras da-

lam Jualan Ehsan Rahmah (JER) di Flat Court 6 Good Year Subang Perdana, USJ 8 di sini pada 7 Jun.

"Kebetulan ada ko-kurikulum, jadi lauk tersebut akan dihidang untuk makan tengah hari dan diberi percuma kepada murid yang kurang berkemampuan.

"Program jualan murah ini memang memberi manfaat pada saat keadaan ekonomi kita yang tidak menentu dan harga barang semakin naik," katanya.

Mereka juga bercadang untuk membeli lagi barangan tersebut jika program kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) itu dianjur berdekatan lokasi sekolah.

Pengunjung lain Teh Choi Kim, 58, pula menyifatkan program tersebut membantu pesara seperti dirinya dan suami.

"Saya dan suami perlu menyara anak yang masih belajar, nasib baik suami yang berusia 62 tahun bekerja menjual besi. Jualan murah seperti ini amat membantu dan berbaloi," katanya.

JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal beku (RM10/pek) dan telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 per pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM10).

Orang ramai boleh menyemak lokasi lengkap jualan murah setiap hari (kecuali Jumaat dan cuti umum) di Facebook PKPS atau pautan [linktr.ee/myPKPS](http://linktr.ee/myPKPS)



## RM600,000 bantu lima sekolah

**SUBANG JAYA** - Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperuntuk RM600,000 bagi membantu lima sekolah di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kinrara menaik taraf kemudahan asas.

Timbalan Menteri Pendidikan Lim Hui Ying memaklumkan baik pulih termasuk padang sekolah, tandas, bumbung dan siling, pagar, kantin serta laluan pejalan kaki.

Beliau menjelaskan sebanyak RM200,000 diagih kepada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 4 Bandar Kinrara, manakala RM100,000 untuk empat sekolah lain.

Menurutnya, sekolah itu ialah SMK Bandar Puchong Jaya (A), Sekolah Kebangsaan Puchong, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Kinrara dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kheng Chee.

"Kita tahu kebanyakan sekolah memerlukan peruntukan penyelenggaraan kerana lama beroperasi. Saya harap peruntukan ini dapat dimanfaatkan setiap sekolah sebaiknya.

"Perkara paling mustahak adalah keselamatan murid dan kebersihan. Jadi, kita akan bantu salur peruntukan untuk naik taraf kemudahan yang perlu," katanya pada 14 Jun.

## RM1.5 juta perkasa kebajikan

**SHAH ALAM** - Lebih RM1.5 juta disalurkan kepada 70 pusat kebajikan, persatuan dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi memperkasa agenda masyarakat sepanjang tahun ini.

EXCO kebajikan masyarakat berkata ia diagih menerusi Dana Sukarelawan Kebajikan, Program Sinergi Prihatin, Program Pusat Kebajikan Lestari dan Program Santuni Pusat Kebajikan.

"Kerajaan Negeri akan terus cakna dengan hal ehwal kebajikan rakyat bagi memastikan sesiapa yang memerlukan tidak terpinggir tanpa bantuan," kata V Ganabatirau.

Terdahulu, beliau menyempurnakan majlis simbolik penyerahan peruntukan program kebajikan di bangunan pentadbiran negeri di sini pada 10 Jun.

Sebanyak 29 pusat kebajikan menerima geran peruntukan menerusi Program Pusat Kebajikan Lestari keseluruhan berjumlah RM1.02 juta bagi fasa pertama 2023.

Sembilan persatuan pula menerima RM290,000 menerusi Program Sinergi Prihatin dan RM108,000 kepada 11 persatuan menerusi Program Dana Sukarelawan Kebajikan.





# Tahan uji, berwawasan

Oleh ABDUL RAHIM SABRI  
Foto FIKRI YUSOF

**D**iamanah mengetuai Selangor ketika usia 38 tahun, Dato' Seri Amirudin Shari ditakdir berdepan cabaran luar jangka: pengkhianatan wakil rakyat sehingga banyak kerajaan runtuh, pandemik Covid-19 dan banjir besar pada 2021.

Bagaimanapun Ahli Dewan Negeri Sungai Tua (dahulu, Batu Caves) selama tiga penggal berjaya mengharungi cabaran besar berkenaan, malah terus berkhidmat dengan merencana masa depan negeri.

Disenangi penjawat awam negeri, beliau yang suka merendah diri sering mengambil pendekatan musyawarah dan kelihatan kurang terikat dengan protokol sebagai pemimpin negeri. Ketika bersama orang ramai, beliau seolah-olah orang kebanyakan.

Pada 19 Jun ini, genaplah satu penggal sumbangannya sebagai peneraju Kerajaan Negeri. Beliau yang menang kerusi tersebut pada usia 28 tahun mencurah bakti sebagai EXCO pembangunan generasi muda, sukan, kebudayaan dan pembangunan usahawan pada 2014.

Ketika Putrajaya dan banyak negeri menyaksikan pengkhianatan politik pada Februari 2020, Kerajaan Selangor bawah kepemimpinan Amirudin tidak terjejas. Berkat majoriti wakil rakyat berdiri teguh di belakangnya.

Kerana kestabilan itulah, Pakatan Harapan Negeri berjaya mengharungi wabak Covid-19, yang mencetuskan krisis kesihatan global, dengan memperkenalkan pakej bantuan pada 2020 dan 2021, selain Belanjawan 2021 dan pelan pemulihan ekonomi.

Pakej Selangor Prihatin dilancarkan pada 20 Mac 2020, dua hari selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan di seluruh negara, dengan nilai RM127.78 juta. Pakej kedua yang bernilai RM272.8 juta diumumkan pada 1 April 2020.


Inisiatif diberikan untuk manfaat petugas barisan hadapan, mahasiswa, peniaga kecil dan skim Smart Sewa golongan berpendapatan rendah, insentif khas penjaja berlesen dan bantuan untuk petani.

Apabila virus ini gagal dikekang setahun selepas PKP pertama, Kerajaan Negeri melancarkan dua lagi pakej bantuan Kita Selangor, masing-masing RM73.9 juta dan RM551.6 juta, pada Januari dan Jun.

Selain bantuan kepada penduduk yang memerlukan, pakej ini menyediakan dana untuk saringan kesihatan sehingga Selangor muncul sebagai negeri yang aktif menjejak virus tersebut.

Selain program suntikan kerajaan persekutuan, Amirudin membeli sendiri vaksin dengan dana RM200 juta bagi mempercepatkan kekebalan lebih 6.5 juta penduduk, khususnya di kawasan kepadatan tinggi.

Walau pentadbiran Putrajaya dan Shah Alam berbeza parti, dan rasa tidak puas hati penyokong masih membara susulan krisis politik pada 2020, beliau tetap bertindak profesional menjalin kerjasama untuk membendung Covid-19.



Tidak lama selepas kes pandemik mula berkurangan, berkat vaksinasi meluas, Selangor berdepan pula bencana banjir di luar jangka di hujung 2021. Hujan lebat mencurah-curah dalam dua atau tiga hari mengatasi purata sebulan.

## Pantas bertindak

Walau persiapan dibuat seawal September dan Oktober, jabatan yang ditugaskan tidak menjangkakan banjir boleh seburuk ini. Bencana ini melebihi kemampuan jentera negeri seperti diakui sendiri Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Parlimen sebulan kemudian.

Jumlah hujan Disember itu seumpama fenomena yang berlaku setiap 100 tahun sekali, kata Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang.

Mengenang nasib malang 18 Disember itu, ramai penduduk teringat banjir besar di Selangor dan Kuala Lumpur pada 1971. Curahan hujan sehingga 380 milimeter lambat pula keluar susulan air laut sedang pasang besar.

Tetapi Amirudin cepat bertindak. Beliau mengetuai mesyuarat penyelarasan banjir bersama agensi kerajaan pada 3 petang hari pertama kejadian. Pada malamnya beliau meninjau sendiri walau perhubungan jalan raya banyak terputus.

Agensi penyelamat barisan hadapan terus digerakkan, 46 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka bagi menampung mangsa Klang, Petaling, Sepang, Kuala Langat dan Kuala Selangor.

Pusat Operasi SMART Selangor beroperasi 24 jam untuk selaras bantuan dan operasi menyelamatkan. Sebanyak 134 pintu air ditutup bagi mengelak limpahan air laut.

Amirudin meredah air bah di kawasan terjejas teruk. Gambar dan video beliau sedang menyelamatkan bayi yang baru lahir dan menyelamatkan orang di Taman Sri Muda, Shah Alam tular di media sosial. Tindakannya itu

mendapat reaksi positif orang ramai.

Beliau tangkas melancarkan pakej Bantuan Selangor Bangkit sebanyak RM100 juta. Selain bantuan RM1,000 bagi setiap isi rumah yang terjejas, pakej itu juga untuk kerja pembersihan, pemulihan dan pembinaan semula prasarana.

Setakat 7 Mac 2022, seramai 115,852 keluarga menerima bantuan RM1,000 dengan peruntukan sebanyak RM115.8 juta. Manakala 14 keluarga korban banjir pula masing-masing menerima RM10,000 dengan jumlah keseluruhan RM140,000.

Tidak lama selepas wabak berakhir, beliau menyusun pelan pembangunan lima tahun Rancangan Selangor Pertama (RS-1) pada Julai 2022. Negeri pertama yang mempunyai rancangan lima tahun, RS-1 yang berakhir 2025 bertujuan mencapai:

- pendapatan isi rumah dianggarkan RM9,290 sebulan
- mengurangkan peratus kemiskinan mutlak kepada 0.7 peratus
- Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK) 6.5 hingga 7 peratus setiap tahun
- peluang pekerjaan 3.5 hingga 3.8 juta orang
- jaminan bekalan air bersih 24 jam sehari
- semua pihak berkuasa tempatan capai prestasi 10 terbaik peringkat kebangsaan
- pendigitalan khidmat awam sehingga 85 peratus

Berkat kesungguhannya itu, pengundi Gombak mengangkat Amirudin sebagai ahli parlimen baharu, menewaskan penyandang lama yang meninggalkan parti itu dalam pembelotan 2020, pada pilihan raya umum November lalu.

Ogos ini, setelah tamat sepenggal sebagai Dato' Menteri Besar, beliau sekali lagi menggagas tugas cukup mencabar — meneraju jentera Pakatan Harapan untuk meraih kemenangan bermakna dalam pilihan raya negeri ke-15.

# Jaga kebajikan semua

Oleh NADIAH ZAMLUS  
Foto FIKRI YUSOF

**L**ima belas tahun lalu, agenda kebajikan mula dirasai hasil kerja berpasukan pemimpin Kerajaan Negeri dan iltizam mengembalikan semula hasil kepada rakyat.

Bermula tujuh pakej bantuan di bawah dasar merakyatkan ekonomi, jumlahnya bertambah kepada 44 inisiatif setakat Disember 2022 menerusi Iltizam Selangor Penyayang (ISP), seiring peningkatan pendapatan hasil urus tadbir cekap.

Di bawah ISP, Kerajaan Negeri membelanjakan lebih RM600 juta untuk membantu kanak-kanak, wanita, pelajar, orang kurang upaya, petani dan peniaga kecil dalam bidang kesihatan, pendidikan, perumahan dan keusahawanan.

Enam inisiatif digariskan iaitu Iltizam Pemberdayaan Rakyat Selangor (10 program), Iltizam Kesihatan Selangor (11), Iltizam Pendidikan Selangor (7), Iltizam Perumahan Selangor (7), Iltizam Keusahawanan Selangor (5) dan Iltizam Mesra Anak Selangor (4).

Bawah kepimpinan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, kebajikan rakyat diperluaskan lagi, termasuk memperkenalkan beberapa program di luar ISP bagi menyesuaikan perkembangan ekonomi dan kos sara hidup rakyat.

Bersempena genap lima tahun pentadbiran beliau pada 19 Jun ini, Selangorkini meringkas sebahagian program baharu bagi membantu rakyat daripada beban kos sara hidup dan mengangkat martabat mereka.

## Jelajah Ehsan Rakyat (JER)

Inisiatif kerajaan ini bagi mendepani masalah kenaikan harga barang. Program itu yang menawarkan produk harga lebih rendah daripada pasaran memanfaatkan kira-kira 800,000 penduduk.

Ia membabitkan barang makanan asas yang dijual 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran.

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) yang menguruskan jualan murah berkenaan menawarkan barangan seperti ayam pada harga RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepapan).

Turut dijual pada harga murah ialah ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM10).

## Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (BINGKAS)

Sebelum program itu dilaksana, bantuan disalurkan menerusi Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan KISS Ibu Tunggal (KISS-IT). Setiap peserta menerima RM200 sebulan atau RM2,400 setahun.

Menyedari keperluan semasa yang semakin mendesak, Amirudin menambah kepada RM300 sebulan atau RM3,600 setahun.

Bilangan penerima juga bertambah daripada 25,000 kepada 30,000 keluarga, sekali gus memanfaatkan 180,000 penerima (purata enam orang satu keluarga).

## Skim Insurans Am Selangor (INSAN)

Insurans ini memberi perlindungan sehingga RM10,000 seorang kepada lebih enam juta penduduk, termasuk pengundi di Selangor, yang berusia 30 hari hingga 80 tahun.

Pendaftaran dibuka selama setahun mulai Oktober 2022, perlindungan ini untuk seseorang yang hilang keupayaan kekal atau kematian disebabkan kemalangan.

Setakat 17 November lalu, 3,563,844 orang memohon untuk menerima manfaat berkenaan.

## Projek Rumah Idaman

Pada 2019, Kerajaan Negeri melancarkan projek Rumah Idaman berkeluasan 1,000 kaki persegi tetapi ditambah lagi kelengkapan asas dengan harga di bawah nilai pasaran RM250,000 seunit.

Bertujuan membantu golongan berpendapatan

rendah dan sederhana memiliki rumah pertama, setiap unit disedia dua parkir, penyaman udara di tiga bilik tidur, pemanas air di dua bilik air, kabinet dapur, televisyen, peti sejuk dan almari pakaian.

Selain projek ini, Kerajaan Negeri juga mempunyai beberapa kemudahan tempat tinggal menerusi kluster Iltizam Perumahan Selangor seperti Rumah Selangorku dan Skim Smart Sewa.

## Skim Bantuan Biaya Rumah Selangor

Program ini diperkenalkan bagi memudahkan orang ramai memiliki rumah. Dengan peruntukan RM100 juta, ia membantu rakyat Selangor menyelesaikan masalah sukar mendapat wang deposit.

Ketika membentangkan Belanjawan 2023, Amirudin mengumumkan skim pembiayaan patuh syariah yang menyediakan wang deposit antara 10 hingga 15 peratus.

Skim Bantuan Biaya Rumah dijangka memanfaatkan kira-kira 4,000 pemohon.

## Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE)

Bermula ketika wabak Covid-19 pada 2020, RiDE membantu meningkatkan penglibatan belia yang kurang kemahiran dan menganggur dalam sektor ekonomi sampingan (gig economy).

Mereka ditawarkan subsidi lesen motosikal B2 berjumlah RM350, kursus e-panggilan bernilai RM150 dan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial RM70 setahun.

Selain itu, peserta RiDE turut menerima caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan insurans am INSAN yang ditawarkan kepada semua penduduk. Setakat Januari, seramai 6,500 anak muda menyertai RiDE daripada lebih 14,000 permohonan.

## Skim Air Darul Ehsan

Agihan air percuma sebanyak 20 meter padu memang sudah sinonim dengan Kerajaan Selangor. Namun, bawah pentadbiran Amirudin, mereka yang layak menerima manfaat ini dinaikkan kepada isi rumah berpendapatan RM5,000 dan ke bawah.

Warganegara Malaysia yang menetap di negeri ini, sama ada bujang atau berkahwin, layak mendapat kemudahan tersebut bagi sebuah unit kediaman atau satu akaun Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.

## Skim Mesra Usia Emas (SMUE)

Bagi menghargai mereka ketika masih hidup, baucar beli-belah sebanyak RM100 setiap tahun sebelum ini ditingkatkan kepada RM150 seorang. Sementara khairat kematian diberikan sebanyak RM500.

"Setelah beberapa tahun ia dilaksanakan, terdapat permintaan agar manfaat SMUE ini dapat dinikmati sendiri oleh warga emas, bukannya dinikmati oleh waris mereka apabila mereka meninggal dunia," kata Amirudin pada Oktober 2020.

"Justeru, mulai tahun 2019, Kerajaan Negeri



# Sasar kejayaan 2025

Oleh NAZLI IBRAHIM

**D**ato' Seri Amirudin Shari bersama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merumuskan 14 sasaran kejayaan menerusi dasar pembangunan lima tahun.

Dibentangkan pada 27 Julai 2022, Rancangan Selangor Pertama (RS-1) bertema Negeri Pintar, Berdaya Huni dan Makmur sememangnya menuntut kerja berpasukan semua pihak bagi menjayakannya.

Empat strategi ditetapkan bagi mencapai sasaran iaitu pengukuhan ekonomi, mempertingkatkan inklusiviti sosial dan kesejahteraan rakyat, pemacuan kelestarian serta tadbir urus S.M.A.R.T dan efektif.

Antara misi penting ialah meningkatkan pendapatan rakyat. Dasar lima tahun itu menyasarkan setiap isi rumah memperoleh sekurang-kurangnya RM9,290 sebulan menjelang 2025.

Kemiskinan mutlak juga diturunkan ke paras 0.7 peratus dan indeks kesejahteraan keluarga dipertingkatkan kepada lapan peratus mengikut RS-1.

Sasaran itu bakal dicapai menerusi enam bidang tumpuan di bawah strategi peningkatan kesejahteraan dan keterangkuman sosial.

Enam bidang itu ialah penjana pendapatan dan kebajikan sosial, perumahan mampu milik, pendidikan, tumpuan khas kepada kumpulan sasar (belia, warga emas dan orang kelainan upaya), wanita, keluarga dan masyarakat dan kesihatan awam.

RS-1 turut menyasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri sehingga tujuh peratus setiap tahun. Sasaran nilai perolehan pelaburan tinggi pula antara RM25 hingga RM35 bilion. Ia sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan antara 3.5 juta hingga 3.8 juta.

Bagi merealisasikan, dasar lima tahun itu menumpukan sembilan sektor iaitu pelabuhan dan logistik, pelancongan, automotif, aeroangkasa, agroteknologi, elektrik dan elektronik dan kejuruteraan dan mesin, industri halal, sains hayat

telah menambah baik program SMUE ini dengan memberikan manfaat berbentuk pemberian baucar Jom Shopping kepada warga emas yang berdaftar setiap tahun."

## Dana Bantuan Guaman Selangor

Dana ini bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah mendapat nasihat guaman percuma, khususnya menyelesaikan masalah kekeluargaan dan keganasan rumah tangga.


Termasuk bantuan kes syariah, bantuan ini asalnya untuk keluarga berpendapatan RM2,000 ke bawah tetapi baru-baru ini ditingkatkan kepada isi rumah berpendapatan RM5,000 ke bawah.

Inisiatif itu dilaksana dengan kerjasama Majlis Peguam Malaysia dan Majlis Peguam Selangor sama ada kes sivil atau syariah.

## Platform Selangor (PLATS)

Diperkenalkan pada Ramadan 1441 (Mei 2020), ia dilancarkan bagi membantu peniaga menjana

**PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN PENENGAH DI SELANGOR, 2007-2025**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dan ekonomi digital.

Di bawah strategi pengukuhan ekonomi itu, beberapa daerah di Selangor dimajukan melalui rancangan pembangunan berasaskan pelan pembangunan wilayah.

Ia merangkumi Pembangunan Serantau Bersepadu di Selangor Selatan (IDRISS), Pembangunan Kawasan Sabak Bernam (SABDA) dan Zon Pembangunan Ekonomi Selangor Maritime Gateway (ZPE SMG).

Manakala, strategi pemacuan kelestarian dimasukkan dalam dasar itu bagi memastikan Selangor kekal meneraju pemuliharaan alam sekitar untuk generasi akan datang.

Lima bidang tumpuan strategi itu ialah daya tahan dan pengurusan bencana, negeri rendah

karbon, pengurusan air, pengurusan sisa dan biodiversiti dan sumber asli.

Strategi tadbir urus berkesan pula antaranya bertujuan mempelbagaikan sumber hasil dan mengadaptasi transformasi teknologi untuk memacu penyampaian perkhidmatan awam.

Lima bidang tumpuan adalah penjajaran strategik matlamat dan dasar, pengurusan prestasi dan akauntabiliti, tenaga kerja awam tangkas, kemampuan hasil dan transformasi teknologi.

Strategi ini menasaskan projek RS-1 berimpak tinggi diselesaikan sepenuhnya menjelang 2025, semua pihak berkuasa tempatan di Selangor pada kedudukan 10 terbaik peringkat kebangsaan dan perkhidmatan digital awam mencapai 85 peratus.

pendapatan sepanjang bulan tersebut ketika orang ramai sukar bergerak kerana sekatan akibat wabak Covid-19.

Namun pada 2021, PLATS 2.0 tidak terhad ketika bulan puasa sahaja, malah ia dijadikan pemangkin ekosistem Agenda Pendigitalan Selangor.

Bermula dengan 300 hingga 400 peniaga, sehingga hujung tahun 2022, hampir 20,000 peniaga berdaftar dengan PLATS.

## Pusat Sokongan Kehidupan Berdikari (ILSC)

Ia memberikan latihan pekerjaan dan pemberdayaan kepada golongan orang kurang upaya supaya mereka mudah berdikari dan hidup bersama masyarakat tanpa rasa terasing.

## Iltizam Selangor Sihat (ISS)

Ditambah baik daripada Skim Insurans Peduli Sihat, ia memberi perlindungan kepada 100,000 pemegang kad dan 150,000 ahli keluarga berdaftar.

Dengan dana RM45 juta, ISS memberi manfaat untuk mendapat rawatan asas, kecacatan kekal akibat kemalangan, penyakit kritikal dan bantuan pengebumian.

## Program Saringan Kesihatan Percuma (Selangor Saring)

Diperkenalkan sejak 2022, saringan ini untuk mengesan penyakit tidak berjangkit antaranya jantung, buah pinggang, ujian darah dan air kencing.

## Iltizam Pendidikan Fardu Ain

Pemberian subsidi yuran Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa) berjumlah RM30 sebulan kepada 14,000 murid kurang mampu di 296 sekolah pendidikan asas agama di seluruh Selangor.

Turut diperkenalkan, Ujian Saringan Selangor Kanser (Selcan), Pemeriksaan Kesihatan Mata, Skim Pinjaman Teknologi Asas Selangor (SEPINTAS) dan Iltizam Anak Selangor.



(dari kiri) Al-Habib Umar, Amirudin, Anwar dan Dr Ali Jum'ah ketika penutup Festival Turath Islami Selangor di Shah Alam pada 25 Mei 2023



DYMM Sultan Selangor, diiringi Amirudin, mencemar duli berangkat ke persidangan terakhir Dewan Negeri di Shah Alam pada 13 Mac 2023



Tengku Amir Shah diiringi Amirudin ketika Pameran Udara Selangor di lapangan terbang Subang, Shah Alam pada 8 September 2022



Majoriti wakil rakyat negeri bersama Amirudin menyatakan kesetiaan menyokong kerajaan Pakatan Harapan Selangor dalam sidang media di Shah Alam pada 5 Mac 2020 susulan pembelotan politik sehingga bertukar kerajaan persekutuan di Putrajaya



Amirudin bantu memindah bayi baru lahir ketika bah besar luar jangka di Taman Sri Muda, Shah Alam pada 19 Disember 2021



Amirudin bersama 73 penerima surat kelulusan pemberian milik tanah (Borang 5A) di Sabak Bernam pada 14 Oktober 2022. Selain penerima sumbangan baik putih sekolah, turut serta Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim dan EXCO Agama Islam Zawawi Mughni

LIMA tahun pentadbiran Dato' Seri Amirudin Shari sejak 19 Jun 2018 tidak lejang daripada ujian demi ujian. Namun Kerajaan Negeri bawah kepemimpinannya berjaya mengharungi pembelotan politik, wabak Covid-19 dan banjir besar.

Malah, dengan sokongan padu barisan pemimpin, Amirudin terus bekerja untuk membawa kesejahteraan kepada penduduk melalui program jualan murah, insurans untuk lebih enam juta penduduk, memberi geran tanah serta unit kediaman dan mengawal pencemaran bekalan air melalui projek SJAM.

Selangorkini merakam sebahagian majlis rasmi Dato' Menteri Besar bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan juga Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Beliau turut bersama Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob serta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub demi kebaikan bersama.

Demi kemajuan agama, Amirudin mengundang beberapa tokoh ulama dari luar negara untuk membahaskan kitab besar Imam al-Ghazali, antaranya Profesor Dr Ali Jum'ah dan Al-Habib Umar Hafidz.

Jurufoto HAFIZ OTHMAN, AHMAD ZAKKI JILAN, FIKRI YUSOF, REMY ARIFIN, NAZIR KHAIRI, RADIN WAZIR, ASRI SAPHIE dan MOHD YUSNI ARIFIN merakam aktiviti Amirudin dari 2020 hingga tahun ini. Keterangan disediakan HAFIZAN TAIB.



Amirudin meninjau tapak pembinaan Projek Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) di Kuala Selangor pada 18 Mei 2023



Amirudin melawat pusat pemberian Vaksin Selangor (Selvax) di Bangi, Kajang pada 10 Julai 2021



Amirudin melihat pelan tebatan banjir Sungai Klang di Kota Kemuning, Shah Alam pada 1 November 2022



Juara Piala Malaysia 1995 menerima kunci Rumah Idaman daripada Amirudin di Shah Alam pada 30 Ogos 2022



Amirudin melihat model Kompleks Sukan Shah Alam ketika pameran awam di Shah Alam pada 10 Februari 2023



Salahuddin dan Amirudin bersama pembeli ketika pelancaran Jualan Mega Ehsan Rahmah 2023 di Ampang Jaya pada 31 Mei 2023



Amirudin melancarkan buku Imam al-Ghazali: Hayat dan Jasa Ilmuwan Ulung di pesta buku Kuala Lumpur pada 28 Mei 2023




Ahmad menerima cek cura bantuan banjir daripada Selangor yang diserahkan Amirudin di Kota Bharu pada 27 Disember 2022



Wan Nur Laila Muhammed Arifin, 32, menerima sijil Skim Insurans Am Selangor (INSAN) dari Amirudin di Klang pada 23 Oktober 2022

# Berjaya harung gelombang virus



Oleh NADIAH ZAMLUS

**K**urang dua tahun di tampuk kepemimpinan negeri, Dato' Seri Amirudin Shari berdepan krisis Covid-19. Namun Dato' Menteri Besar tidak tenggelam punca menguruskan ancaman global itu.

Segera menubuhkan Majlis Tindakan Khas Covid-19 Negeri Selangor diketuai mantan Menteri Kesihatan, pentadbiran menggunakan pengalaman Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad sepenuhnya.

Pasukan khas itu bertanggungjawab menjejak virus yang kemudiannya dikongsi dengan pihak berwajib termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Penubuhannya pada 10 Mac 2020 susulan 60 peratus pesakit yang dijangkiti virus itu membabitkan rakyat Selangor.

Kurang sebulan selepas kes pertama Covid-19 dalam negara, Dato' Menteri Besar mengumumkan Pakej Rangsangan Selangor Prihatin Covid-19, khusus membantu golongan terkesan wabak.


Tujuh inisiatif melalui peruntukan RM127.78 juta memberi manfaat kepada petugas barisan hadapan, mahasiswa, peniaga, penjaja, usahawan Yayasan Hijrah Selangor dan rakyat berpendapatan rendah.

Selepas 12 hari pengumuman, Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor Prihatin 2.0 dilancarkan dengan peruntukan RM272.5 juta. Ia membantu rakyat berdepan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pakej fasa kedua dirangka berdasarkan dua cabaran utama iaitu menggempur rebakan wabak dan menangani cabaran ekonomi.

Saringan komuniti besar-besaran dengan

**Kes menurun di Selangor, 1 Ogos - 1 November 2021**  
(purata bergerak tujuh hari)



belanja RM1.3 juta mulai 11 April 2020 turut dipuji Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Datuk Dr Zainal Ariffin Omar.

Selain itu, inisiatif Kerajaan Selangor menyediakan kit ujian penilaian kesihatan dicontohi kerajaan persekutuan menerusi Pakej Penjagaan Covid-19 pada 19 September 2021.

Selaku negeri penduduk paling ramai dan paling tinggi bilangan kes, Selangor menggandakan usaha menangani wabak dengan lebih 500,000 dos vaksin percuma pada Jun 2021.

## Vaksin percuma

Langkah memberi vaksin menerusi Program Vaksin Selangor (Selvax) kemudiannya diiktiraf sebahagian Pelan Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Ia diumumkan ketika mesyuarat Pelan Vaksinasi Lembah Klang Raya pada 16 Julai 2021 yang dipengerusikan Menteri Penyelaras PICK Khairy Jamaludin bersama Dato' Menteri Besar.

Selvax melibatkan pembelian 2.5 juta dos vaksin Covid-19 untuk diberi percuma kepada pekerja dan golongan berpendapatan rendah di negeri ini. Ia menampung program vaksinasi PICK untuk lebih 6.5 juta warga Selangor atau kira-kira 20 peratus penduduk Malaysia.

Usaha itu membuahkan hasil. Selangor merekodkan jumlah suntikan tertinggi dengan 150,000 dos sehari pada Ogos 2021.

Bermula 7 September 2021

kes harian Covid-19 di Selangor menurun dari paras 3,000 kepada sekitar 1,000 kes sehari bagi tempoh dua minggu, seperti dilapor portal covidnow.moh.gov.my

Sehingga 10 Oktober 2021, seramai 4.45 juta penduduk Selangor menerima satu dos suntikan vaksin bersamaan 68.1 peratus populasi hasil kerjasama Selvax dan PICK.

Gandingan Kerajaan Negeri dengan persekutuan berjaya menurunkan keluk kes wabak walau pernah mencatatkan lebih 8,000 kes sehari pada awal Ogos 2021.

Menyadari kesengsaraan rakyat dek pukulan wabak, Kerajaan Negeri menyediakan bantuan Pakej Kita Selangor berjumlah RM73.9 juta dengan 12 inisiatif sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 pada Januari 2021.

Pada Jun tahun sama, Selangor memperuntukkan RM551.56 juta untuk 25 inisiatif dalam Pakej Kita Selangor 2.0. Ia melegakan sekurang-kurangnya 1.6 juta rakyat negeri yang terjejas.

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**  
Foto **AHMAD ZAKKI JILAN**

**K**erajaan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersungguh-sungguh merencanakan perkembangan syiar Islam dengan menyalurkan peruntukan kira-kira RM2 bilion sejak mengetuai kerajaan lima tahun lepas.

Setiap belanjawan tahunan negeri, kira-kira RM500 juta hingga RM600 juta disediakan untuk itu, termasuk RM100 juta untuk sekolah agama dan RM4 juta lagi untuk masjid serta surau.

Untuk memantapkan lagi pendidikan agama anak, beliau sentiasa cakna kebajikan guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (Kafa), Kafa Integrasi (Kafa-i) dan sekolah agama selaras keperluan semasa.

Mulai tahun ini, Kerajaan Negeri menyelaraskan elaun supaya 2,825 pendidik itu menikmati gaji minimum RM1,500. Sebelum ini mereka dibayar elaun serendah RM1,350 sebulan sahaja.

Sebagai tambahan, Amirudin pada 13 April turut mengumumkan kajian semula tangga gaji bagi mengurangkan beban mereka termasuk guru sekolah agama yang terpaksa menunggu kenaikan pangkat serta gaji untuk tempoh lama.

Dua tahun sebelum itu, beliau memperkenalkan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) yang disambut baik Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Perbelanjaan RM1.1 juta untuk bayaran Perkeso itu memanfaatkan 4,200 guru Kafa sebagai perlindungan jika terbabit dalam kemalangan ketika berulang-alik ke tempat mengajar.

Kerajaan Negeri turut menyediakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Bantuan khas kewangan sempena Aidilfitri turut diberi kepada guru Kafa dan sekolah agama yang dinikmati 1,687 pendidik pada tahun ini.

Seramai 32 penyelia Kafa turut menerima manfaat hasil urus tadbir baik Kerajaan Selangor. Mulai tahun ini, insentif khas RM100 setiap bulan dinikmati golongan itu untuk meningkatkan semangat mereka mengurus institusi berkenaan.

Tidak dilupakan, kebajikan 34,339 penggerak masjid dan surau. Bermula daripada nazir, imam, bilal hingga siak, insentif khas Aidilfitri RM13.4 juta dihulur antara 2019 hingga 2023.

Seramai 1,687 guru agama rakyat turut menikmati ganjaran sama pada tahun ini. Mengikut Belanjawan Selangor 2023, peruntukan RM583 juta disalurkan untuk pembangunan hal ehwal Islam.

Pada 2019 dan 2020, nazir dan dua imam rawatib, bilal dan siak masjid menerima imbuhan raya RM400 seorang. Pengerusi, dua imam dan masing-masing bilal dan siak surau pula RM300.

Ganjaran itu dinikmati 2,730 individu dari 400 masjid dan 10,250 orang dari 2,050 surau menerima manfaat sumbangan khas keseluruhan RM4.17 juta setahun dalam tempoh berkenaan.



# Perkasa agama, angkat sastera

Mulai 2021 hingga 2023 pula, insentif raya yang dinaikkan daripada RM400 kepada RM500 seorang disalurkan kepada nazir dan dua imam, bilal serta siak rawatib.

## Festival turath

Bulan lepas, Pejabat Dato' Menteri Besar menganjurkan Festival Turath Islami Selangor selama seminggu bermula 20 Mei lalu. Program itu bersempena penterjemahan Ihya Ulumuddin ke bahasa Melayu.

Amirudin mengundang bekas Mufti Besar Mesir Prof Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab sebagai tokoh utama mengupas pemikiran Imam al-Ghazali dalam kitab tersebut.

Festival turut mengundang Baba Ismail Sepanjang Al-Fathoni (Thailand), Dr Said Aqil Siradj (Indonesia), Baba Haji Ghazali Ahmad al-Fathoni (Thailand), Prof Emeritus Datuk Dr Osman Bakar (Malaysia) dan Datuk Dr Muhammad Nur Manuty (Malaysia) membentangkan isi pemikiran al-Ghazali.

Julung kali diadakan dan mendapat sambutan besar sehingga 25 Mei, festival itu bersempena penterjemahan 10 jilid Ihya Ulumuddin mulai awal tahun ini yang digerakkan oleh Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE).

Pada 28 Mei, ketika melancarkan buku terjemahan Imam Al-Ghazali: Hayat & Jasa

Ilmuwan Ulung di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL), Amirudin mengumumkan projek penerbitan karya ulama tersohor itu sebagai Siri Warisan Islami.

Selain karya al-Ghazali, Kerajaan Negeri juga menyediakan geran bagi aktiviti penterjemahan buku pelbagai tema termasuk sejarah, falsafah, politik, sains, seni dan agama.

"Kalau tanya apa yang saya rindu (sekarang), saya rindu perbincangan santai dengan rakan-rakan (sejak awal 2000-an). Tentang buku apa yang kami baca dan sebagainya.

"Masa muda, saya banyak habis pada diskusi buku. Saya tidak suka ke pusat beli-belah atau panggung wayang. Kedengaran macam bosan, tetapi itulah kegembiraan saya.

"Saya berpendapat kita tidak boleh membaca sendirian tanpa menguji apa yang kita baca," katanya pada program bual bicara di PBAKL, mengenang kegiatan ketika usianya awal 20-an.

Selain menyertai pasukan debat ketika menuntut di Universiti Putra Malaysia, Amirudin suka mengikuti acara baca puisi. Apabila dilantik EXCO kebudayaan pada 2014, beliau memperkenalkan Hadiah Sastera Selangor (HSS) setahun kemudian.

Mendapat sambutan hangat setiap tahun, HSS membuka peluang penulis muda meneroka bakat sastera yang sukar mereka tembusi di majalah atau akhbar arus perdana lebih mampan.

# Selangor bangkit selepas bah besar



Mangsa banjir Klang, termasuk Taman Sri Muda, menerima bantuan RM1,000 di Kemuning Utama, Shah Alam pada 22 Februari 2022

Oleh **NAZLI IBRAHIM**  
Foto **REMY ARIFIN**

**T**iada siapa menduga Selangor dilanda banjir besar selepas hujan lebat turun selama tiga hari bermula 17 Disember 2021.

Taburan hujan melebihi 300 milimeter sehari, menyamai jumlah purata sebulan dan fenomena air laut pasang besar menyebabkan air naik di banyak kawasan dalam masa singkat.

Bencana luar biasa itu melebihi kemampuan jentera tindak balas Selangor berhadapan banjir. Tat kala itu, semua persediaan menghadapi monsun timur laut tertumpu di negeri Pantai Timur.

Situasi luar jangka itu diperjelaskan Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob di Dewan Rakyat, 20 Januari 2022.

Meskipun begitu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pantas bertindak. Beliau memanggil mesyuarat penyelarasan pada 18 Disember sewaktu air sedang naik.

Arahan operasi penyelamat dengan peralatan dan jentera jabatan dibantu tentera, polis dan Pasukan Gerakan Am dikeluarkan.

Amirudin sendiri turun padang membantu menyelamatkan mangsa di Taman Sri Muda, Shah Alam iaitu kawasan paling teruk terjejas. Bah besar itu mengorbankan 25 nyawa. Lebih 200 pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka.

Pada 21 Disember, Amirudin mengumumkan Bantuan Selangor Bangkit dengan dana RM100 juta.

Antara bantuan ialah RM1,000 bagi setiap keluarga mangsa banjir dan RM10,000 bagi waris mangsa meninggal dunia.

Setakat 7 Mac 2022, 115,852 keluarga menerima bantuan RM1,000 dengan peruntukan sebanyak RM115,852,000. Manakala 14 keluarga korban banjir pula masing-masing menerima RM10,000 dengan jumlah keseluruhan RM140,000.

Apabila banjir surut, fasa pemulihan berskala besar giat dilaksana. Agensi negeri, KDEB Waste Management (KDEBWM) menerajui pengurusan sisa banjir membersihkan kawasan terjejas pada kadar segera.

## Pulih infrastruktur

Sebanyak 48,589.95 tan metrik sisa bah dibersihkan agensi itu. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp WM) pula mengangkut 33,200 tan metrik sisa. Keseluruhan, 141,186.84 tan metrik sisa dibersihkan KDEBWM dan pihak berkuasa tempatan.

Pelbagai agensi kerajaan pusat dan negeri, badan bukan kerajaan, persatuan serta kumpulan tampil membantu kerja membersihkan kediaman mangsa.

Antaranya, lebih 1,700 sukarelawan Team Selangor dan 4,783 Sukarelawan Selangor (SERVE). Selain itu, setakat 4 Januari, 876 buah rumah dibaik pulih dan 32 lagi dibina baharu.

Seramai 921 usahawan Hijrah terkesan diberi

pengecualian bayaran balik pinjaman selama dua bulan dengan impak kewangan sebanyak RM15 juta. Selain itu, pengecualian bayaran bil air selama sebulan juga diberi.

Seramai 250 petani terjejas menerima RM500,000 daripada Kerajaan Negeri, selain bantuan Kerajaan Persekutuan yang disalurkan terus.

Mengambil iktibar banjir terbesar, beberapa langkah menangani bencana terbabit diambil.

Pada 4 April 2022, Kerajaan Negeri mengumumkan RM700 juta bagi kerja mendalamkan Sungai Klang mengatasi masalah banjir selain merancang ekopelancongan dan memudahkan pengurusan air.

Sebanyak RM10 juta diperuntuk melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor menaik taraf sistem saliran di kawasan itu. Projek itu dijangka siap sepenuhnya pada Julai 2023.

Pada 24 Disember 2021, Amirudin menjelaskan Kerajaan Negeri memperuntuk RM60 juta bagi rancangan tebatan banjir melibatkan Jalan Sungai Rasah dan Jalan Padang Jawa yang menjadi titik panas lokasi banjir.

JPS Selangor juga membuat permohonan tambahan kepada persekutuan sejumlah RM1.3 bilion bagi melaksanakan lima lagi projek mengekang bah. Antaranya kawasan Taman Sri Muda, Jalan Meru dan Damansara.



**RAMAH...** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadiri Majlis Perasmian Tilawah dan Hafazan Al-Quran peringkat kebangsaan 2023/1444H di Pusat Konvensyen PICCA @ Butterworth Arena, Pulau Pinang pada 11 Jun. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Pertimbang kenaikan gaji, elaun

# Tumpu bina rumah penjawat awam

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

**SHAH ALAM** - Pembinaan dan pembaikan rumah penjawat awam antara tumpuan kerajaan pada tahun depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengakui rumah kakitangan kerajaan daif berdasarkan lawatannya, beliau berkata pertambahan hasil negara akan digunakan bagi membela mereka selain rakyat berpendapatan rendah.

"Sebab itu, untuk tahun depan kalau boleh selesai masalah tandas dan kemudahan asas sekolah, saya akan tumpu rumah penjawat awam supaya elok, ini

termasuk rumah baharu," katanya.

Beliau berucap dalam majlis amanat khas perdana bersama penjawat awam Selangor di sini pada 12 Jun. Turut hadir, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan pimpinan negeri.

Anwar menambah kenaikan elaun dan gaji penjawat awam juga antara perkara yang diberi keutamaan apabila ekonomi negara kembali pulih.

Menjelaskan pertumbuhan ekonomi menunjukkan prestasi memberangsangkan pada suku pertama tahun ini, beliau berkata prestasi negara lebih baik dari China, Indonesia dan Singapura.

"Pertumbuhan 5.6 peratus itu baik, tapi kalau ini diteruskan lagi, saya bagi

jaminan keutamaan saya ialah mengkaji semula supaya naikkan gaji dan elaun penjawat awam.

"Bila hasil baik, apabila ekonomi kita pulih (pertimbang kenaikan gaji dan elaun). Saya pun nak (ekonomi) pulih cepat, sebab boleh saya ambil gaji saya balik," katanya, sedikit seloroh.

Anwar juga menjelaskan kerajaan pada masa ini mewarisi sistem ekonomi yang rosak, ditambah bebanan hutang mencecah RM1.5 trilion.

"Kita ambil alih November, Disember, Januari, Februari, Mac hasil pun bertambah, dari minyak Petronas (dan) orang pun lebih rajin bayar cukai. Terutama yang kaya-kaya," katanya.

## Tekad terus perangi rasuah

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi tekadnya membuat pembaharuan ke atas negara demi manfaat rakyat selain terus memerangi rasuah.

Dalam temu bual khas bersama media antarabangsa Al-Jazeera, beliau tegas menentang salah guna kuasa di negara ini meskipun ada yang gelisah dengan pendiriannya itu.

"Apabila bercakap mengenai tadbir urus, menjadi kewajipan saya untuk

melaksanakan perubahan kerana negara ini agak musnah. Melainkan ada komitmen politik jelas dan keazaman untuk berubah.

"Saya tidak duduk diam. Saya akan memerangi mereka jika mereka mahu mendapatkan sokongan dengan membeli orang, dengan merasuah orang dan melindungi kawasan mereka," katanya.

Kenyataan itu antara yang disebut dalam dokumentari khas bertajuk "Dari Penjara ke Perdana Menteri: Anwar Ibra-

him". (From Prison to Prime Minister: Malaysia's Anwar Ibrahim).

Berkongsi pengalaman insiden mata lebam pada 1998, Anwar yang ketika itu dalam tahanan polis menjelaskan hanya teringat keluarga dan fikir tidak akan hidup lagi semasa dipukul.

Pada 2000, bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor disabitkan bersalah memukul Anwar ketika dalam tahanan. Lima tahun selepas itu, beliau membuat permohonan maaf.

## PM arah percepat baiki sekolah daif

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan kerja membaik pulih sekolah dan klinik kesihatan daif perlu dipercepat.

Beliau yang juga menteri kewangan berkata kerajaan pada November tahun lalu telah mengumumkan semua premis tersebut harus diperbaiki dan diselesaikan tahun ini, lapor Bernama.

Anwar menegaskan penyaluran dana untuk projek kecil perlu disegerakan kerana isu tiada tandas atau bumbung bocor tidak boleh tertangguh dua tahun sedangkan peruntukan telah diluluskan.

"Saya hendak pastikan peruntukan disalur segera," katanya dalam majlis perhimpunan warga Kementerian Kewangan pada 13 Jun.

Beliau juga mengingatkan penyegeraan projek tersebut mesti dibuat tanpa sebarang unsur penipuan, pencurian wang atau pengambilan komisen.

## Bantuan tunai sebelum Aidiladha

**SHAH ALAM** - Sumbangan Tunai Rahmah (STR) fasa ketiga akan diterima golongan berpendapatan rendah (B40) sebelum sambutan Aidiladha.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata pembayaran tersebut melibatkan peruntukan lebih RM2 bilion yang memanfaatkan lapan juta penerima di seluruh negara.

Beliau yang juga menteri kewangan menambah bayaran e-Tunai Belia Rahmah RM200 kepada belia berusia 18 hingga 21 tahun pula disalur sebelum minggu ketiga bulan ini.

Beliau juga menjelaskan RM158 bilion atau 41 peratus daripada keseluruhan Belanjawan 2023 dibelanjakan setakat Mei.

## Hantar kakitangan ke luar negara

**SHAH ALAM** - Kerajaan sedia menghantar penjawat awam khususnya kalangan usia muda untuk mengikuti latihan ke institusi terkemuka luar negara bagi meningkatkan keupayaan mereka.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga memutuskan untuk membuat pengambilan kakitangan awam pada usia muda sebagai pelapis.

"Baru-baru ini mesyuarat dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, kita putuskan ambil penjawat awam yang muda-muda. Fikir (ke hadapan) untuk 10 hingga 15 tahun lagi.

"Kalau mereka perlu latihan khusus sama ada dengan syarikat (atau) universiti terkemuka luar negara, belajarlah untuk latih dan tingkat keupayaan perkhidmatan awam," katanya.



## Subsidi ayam, telur diteruskan

**SHAH ALAM** - Pemberian subsidi serta kawalan harga ayam dan telur yang berakhir pada 30 Jun diteruskan selepas 1 Julai, menurut dua kementerian berkaitan.

Menurut Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, hal itu diputuskan berikutan industri ayam dan telur kekal mampan, lapor Bernama.

"Keputusan meneruskan pemberian subsidi ini (juga) diambil demi memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara selaras aspirasi Kerajaan Malaysia Madani," kata kenyataan pada 9 Jun.

Sebelum ini, mesyuarat jemaah menteri pada 17 Februari membuat keputusan untuk meneruskan pemberian subsidi ayam dan telur bermula 1 Januari hingga 30 Jun.

Keputusan itu diambil bagi memastikan kesejahteraan rakyat terus terpelihara selaras dengan aspirasi Kerajaan Perpaduan.

## Kekal harga minyak masak paket

**SHAH ALAM** - Kerajaan tidak ber-cadang menaikkan harga minyak masak paket bersubsidi bagi mengurangkan beban kos sara hidup rakyat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata pihaknya memahami rakyat masih bergelut dengan situasi ekonomi tidak menentu.

"Masanya belum sesuai untuk kita perkenalkan apa juga bentuk kenaikan

harga dalam keadaan rakyat masih bergelut dengan himpitan tanggungan.

"Justeru, kita tidak kurangkan subsidi atau menaikkan harga minyak masak paket buat masa ini," katanya di Dewan Rakyat pada 8 Jun.

Beliau menjawab soalan Ahli Parlimen Shah Alam Azli Yusof mengenai pelan kerajaan untuk mengatasi isu ketirisan minyak masak paket.

Salahuddin berkata kerajaan sedia memperkenalkan penjualan minyak masak berbentuk subsidi bersasar menjelang akhir tahun ini bagi memastikan ia diberi secara adil kepada rakyat.

"Apabila ekonomi pulih, kita akan wujudkan ekosistem sempurna dan subsidi itu kita sasarkan. Oleh itu, belanjawan negara dapat dijimatkan menerusi pendekatan yang lebih bijak," katanya.

## Mulai bulan depan

# Elaun 43,595 pelajar naik RM100 sebulan

**SHAH ALAM** - Kerajaan menaikkan Kadar Elaun Sara Hidup (ESH) pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) peringkat persediaan hingga ijazah lanjutan dalam dan luar negara.

15 peratus kadar elaun bagi pelajar tajaan JPA di luar negara kecuali peringkat ijazah pertama di United Kingdom yang dinaikkan pada 2022.

Mengingatkan mereka supaya berhemah ketika berbelanja, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan kenaikan sebanyak RM100 bakal dinikmati mulai 1 Julai, lapor Bernama.

"Saya tolong kerana saya fikir saudara susah nak makan, nak beli buku. Kalau buat yang tidak betul, itu membazir," katanya dalam program bersama pelajar tajaan JPA di Universiti Kebangsaan Malaysia pada 13 Jun.

Beliau berkata kenaikan itu pertambahan

Anwar yang juga menteri kewangan menjelaskan ia melibatkan kesan kewangan RM52.03 juta bagi tempoh enam bulan mulai Julai yang bakal memanfaatkan 43,595 pelajar tajaan JPA.

Beliau menambah kenaikan tersebut antara usaha bagi menampung kos sara hidup tinggi dalam kalangan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah yang tinggal di bandar besar negara pengajian.

Perdana menteri berharap semakan semula kadar berke-naan membantu mereka memberi tumpuan kepada pembelajaran tanpa bimbang bebanan kos pengajian dan sara hidup.

## Elak tiris ketika bencana

**SHAH ALAM** - Ahli Parlimen Gombak Dato' Seri Amirudin Shari mencadangkan formula khas perbelanjaan negara ketika berlaku darurat atau bencana bagi mengelakkan penyelewengan.

Mengambil contoh pandemik Covid-19, beliau berkata ia bertujuan memastikan penyaluran dana pada kadar segera didokumentasi mengikut ketetapan tertentu untuk proses semak dan imbang.

"Perlu disemak supaya kalau ada 'kecurangan' pada masa depan, mengambil kesempatan daripada bencana, ia satu perkara yang sangat malang.

"Semak imbang harus kita teruskan supaya tidak terlepas (jika ada ketirisan)," katanya ketika

membahaskan usul Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 di Dewan Rakyat pada 6 Jun.

Amirudin yang juga Dato' Menteri Besar menambah tatakelola perbelanjaan perlu dilihat secara menyeluruh untuk mengelakkan ketirisan, kehi-langan dana atau kegiatan yang mencurigakan.

"Semua sedia maklum LKAN bukanlah untuk menghukum, urusannya untuk membetulkan urus tadbir dan tatakelola, melihat (secara) menyeluruh bagaimana menangani masalah sama," katanya.

Buat pertama kali, laporan itu dibahas di Dewan Rakyat antara lain kerajaan memandag serius pelbagai teguran yang disebut manakala menteri berkaitan diarah meneliti isu berkenaan.

## Sita tapak projek Sri Nanding

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menyita sebuah tapak projek pembangunan di Taman Sri Nanding, Hulu Langat selepas didapati mengakibatkan banjir kilat dan lumpur di sekitar kawasan itu, baru-baru ini.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan, notis kedua Arahan Berhenti Kerja, notis tawaran kompaun dan Arahan Pembaikan mengikut Seksyen 71, Akta Jalan Parit Bangunan (AJPB) 1974 de-

ngan nilai RM250,000 dikeluarkan terhadap pemaju.

"Berdasarkan lawatan tapak pembangunan didapati tiada sistem perparitan yang sempurna dan kolam perangkap kelodak (silt trap), sehingga mengakibatkan banjir lumpur di Taman Sri Nanding," katanya yang turut memaklumkan penghadang konkrit juga ditempatkan bagi menghalang pergerakan jentera keluar masuk ke tapak berke-naan.



**KUALA LANGAT MINING SDN. BHD. ("KLM")**  
(No. Syarikat: 198101011019 [77146-T])

(Anak Syarikat Milikan Penuh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.)

TENDER NO. 02/2023

**PELAWAAN TENDER TERBUKA BAGI PEMBINAAN SEBAHAGIAN KOLAM HORAS 3000 DI ATAS SEBAHAGIAN TANAH SELUAS 100.0 EKAR YANG DIPEGANG DI BAWAH HAKMILIK H.S. (D) 27332, PT5616 (LOT 4592), H.S. (D) 27333, PT5617 (LOT 4593), H.S. (D) 27334, PT5618 (LOT 4594) DAN H.S. (D) 27335, PT5619 (LOT 4595), MUKIM BESTARI JAYA, DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN**

Tarikh Taklimat Tender	: 21hb Jun 2023 (Rabu)
Waktu Berkumpul/Pendaftaran	: 11.00 pagi
Tempat Berkumpul	: Pejabat Satelit KSSB (Zon Utara) No 6-1 & 8-1, Jalan Aman Suria 1 Taman Aman Suria 45600 Bestari Jaya Selangor Darul Ehsan
Masa dan Tarikh Penjualan Dokumen Tender	: 22hb (Khamis) dan 23hb Jun 2023 (Jumaat) 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari 2.30 petang hingga 4.00 petang
Masa dan Tarikh Penyerahan Dokumen Tender	: 27hb Julai 2023 (Khamis) 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari Penyerahan lewat dan tidak lengkap akan ditolak
Tempat Pembelian dan Penyerahan Dokumen Tender	: Aras LPH, Menara Bank Rakyat Shah Alam No. 1, Jalan Indah 14/8 Seksyen 14 40000 Shah Alam Selangor Darul Ehsan

### 1. Syarat-syarat kelayakan petender:

- mempunyai alamat berdaftar atau alamat perniagaan di Negeri Selangor;
- hanya syarikat berstatus Sdn. Bhd. dan Berhad sahaja layak menyertai tender ini; dan
- mempunyai modal berbayar/dana pemegang saham minima RM2,000,000.00.

2. Harga Dokumen Tender : RM100.00. (Tunai sahaja). Tidak dipulangkan.

3. Fi Pemrosesan Tender : RM10,000.00 (Cek Jurubank /Cek Syarikat). Tidak dipulangkan.

4. Deposit Tender : RM200,000.00 (Cek Jurubank /Cek Syarikat). Akan dipulangkan kepada pembida yang tidak berjaya.

### Catatan:

1. Taklimat tender adalah wajib bagi melayakkan petender-petender menyertai tender berkenaan. **Petender-Petender yang tidak menyertai dan tidak mendaftarkan diri semasa taklimat tender tidak layak untuk menyertai tender tersebut. Penyerahan taklimat tender, pembelian dan penyerahan dokumen tender hendaklah dilakukan di atas nama syarikat yang sama.**

2. KLM berhak untuk menerima atau menolak mana-mana permohonan atau membatalkan tender tanpa memberikan sebarang sebab atau alasan dan tanpa perlu membayar balik apa-apa perbelanjaan atau kerugian yang ditanggung oleh mana-mana petender. Semua keputusan oleh KLM adalah muktamad.

3. KLM tidak pernah melantik atau memberi kuasa kepada mana-mana pihak ketiga untuk menjalankan sebarang transaksi berkenaan tender bagi pihak KLM dan KLM tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga dan tidak akan menanggung apa-apa liabiliti berkenaan sebarang kesimpulan, kerugian atau kerosakan dalam apa jua bentuk yang telah ditanggung atau mungkin ditanggung oleh orang ramai yang berpunca daripada mereka bergantung atau menggunakan maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga. Pihak awam dinasihatkan agar menghubungi KLM bagi sebarang pengesahan dan/atau maklumat lanjut.

4. Maklumat lanjut tender boleh diperolehi di laman web rasmi kami [www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)

Kuala Langat Mining Sdn. Bhd.  
Aras LPH, Menara Bank Rakyat Shah Alam  
No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-5518 7735 Faks: 03-5518 7736  
[www.semesta.com.my](http://www.semesta.com.my)

### Pegawai Untuk Dihubungi:

En. Khairul Hisyam Abdul Halim 012-360 2405  
En. Muhammad Amir Osman 011-722 8 5132  
En. Mohd Izan Mohd Sapiee 013-343 9104



**GIGIH...** Kakitangan Majlis Bandaraya Subang Jaya melakukan kerja pembersihan longkang ketika Operasi Peruntuhan Struktur Atas Longkang di Jalan USJ 1/19, Subang Jaya pada 7 Jun. Foto REMY ARIFIN

RM21 juta naik taraf kemudahan

# MBSA baik pulih jalan 1,600km

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

**SHAH ALAM** - Dana RM15 juta disediakan bagi menjalankan kerja pembaikan jalan sepanjang 1,600 kilometer di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Datuk Bandar Dr Nor Fuad Abdul Hamid menjelaskan peruntukan tersebut sebahagian daripada RM21 juta yang disalurkan kepada MBSA untuk menaik taraf pelbagai prasarana berkaitan.

Beliau menambah RM5 juta pula untuk mengganti kabel elektrik lampu jalan manakala RM1 juta untuk pembersihan longkang.

## MBSJ roboh binaan haram

**SUBANG JAYA** - Perobohan binaan haram di Jalan USJ 1/19 dan USJ 1/20, Taman Subang Permai memudahkan KDEB Waste Management (KDEBWM) untuk membersihkan longkang sekitar kawasan itu.

Ketua Operasi Cawangan Subang Jaya Mohd Fauzan Hushim berkata pembersihan yang dibuat dua kali sebulan sebelum ini agak terbatas hingga mengakibatkan longkang kotor dan tersumbat.

Beliau menjelaskan KDEBWM bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) untuk memecahkan halangan seterusnya mencuci sisa kotoran yang tidak dapat dibersihkan sebelum ini

"Sebelum ini, kerja pembersihan ada dibuat beberapa kali tetapi ia hanya penyelesaian jangka pendek," katanya.

"Peruntukan RM21 juta melalui Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (Marris)," katanya ketika menyempurnakan majlis penyerahan surat tawaran tender di sini pada 6 Jun.

Dr Nor Fuad memaklumkan seramai 39 kontraktor menerima surat tawaran untuk menjalankan kerja naik taraf meliputi sembilan projek manakala tender sebanyak 30 projek.

"Sebut harga bernilai RM2 juta dan tender RM19 juta," katanya sambil menambah sebanyak 227 iklan tawaran kerja dikeluarkan manakala 15,453 tender diterima antara Januari hingga Jun.

Terdahulu, beliau bersama seramai 30 anggota KDEBWM dan 60 kakitangan MBSJ menyertai operasi bagi meroboh binaan haram atas longkang di sini pada 7 Jun.

Mohd Fauzan menambah kerja pembersihan longkang dibuat menggunakan peralatan jet air bertekanan tinggi dan pembersih besen tangkap.

"Kita seru pengusaha restoran supaya memikirkan alternatif menapis sisa makanan dan jangan biarkan ia terus masuk ke dalam longkang yang menjadi punca tersumbat atau banjir kilat.

"KDEBWM hanya membersihkan sistem saliran di kawasan komersial dua kali sebulan, jadi kami seru semua mengambil sikap bertanggungjawab dan memudahkan kerja semua pihak," katanya.

## MBPJ lancar pelan induk landskap

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melancarkan buku Pelan Induk Landskap Petaling Jaya (PiLAN PJ) yang memuatkan perancangan jangka panjang bandar raya berkenaan.

Datuk Bandar Mohamad Azhan Md Amir menjelaskan naskah tersebut mengandungi dokumen perancangan landskap dan pelan tindakan inklusif di Petaling Jaya untuk tempoh lima tahun.

Beliau berkata buku dua jilid itu merangkumi garis panduan bagi memastikan pembangunan landskap di bandar raya berkenaan sejajar matlamat pembangunan mampan dan memelihara alam semula jadi.

"Pelan itu menggariskan cadangan dalam bentuk dasar, strategi, kaedah kawalan dan garis panduan projek landskap yang sesuai berdasarkan 17 agenda Pelan Pembangunan Mampan," katanya pada 6 Jun.

## RM13,000 hadiah tandas bersih

**SHAH ALAM** - Hadiah wang tunai keseluruhan RM13,000 menanti pemenang kategori Pertandingan Tandas Bersih, Menawan dan Wangi (BMW) 2023 peringkat Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

Enam kategori tandas awam dipertandingkan iaitu sekolah menengah/agama, pusat beli-belah, sekolah rendah/agama, restoran/medan selera, rumah ibadat dan stesen minyak.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan, ia bertujuan meningkatkan kesedaran warga Ampang Jaya mengenai kepentingan kebersihan tandas awam.

"Tahun ini MPAJ menasaskan lebih banyak penyertaan berbanding 31 penyertaan kali terakhir pada November 2021 dengan lima kategori," kata kenyataan.

**Air Selangor**

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

### KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000014777	DESIGN AND BUILD OF DIGITAL TWIN TECHNOLOGY FOR SEMENYIH 2 SMART WATER TREATMENT PLANT
2.	PN0000014844	CLOUD MIGRATION FOR AIR SELANGOR'S INTELLIGENT COMMAND CENTRE (ICC)

### KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

Bil.	KETERANGAN
1.	PRE-QUALIFICATION OF PANEL CONTRACTORS FOR AUTOMATION KEY VALVES AT SELECTED AIR SELANGOR'S DISTRIBUTION NETWORK LOCATIONS
2.	PRE-QUALIFICATION OF PANEL CONTRACTORS FOR ONLINE NETWORK MODELLING AT SEMENYIH AND LANGAT TRUNKMAIN FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD

Untuk butiran lanjut mengenai tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender/prakelayakan di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan AirSelangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan dilaman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.

## Kursus tingkat kemahiran sembelih korban

**SHAH ALAM** - Seramai 46 penyembelih ternakan korban di masjid dan surau menyertai kursus bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka berdasarkan hukum syarak dan perspektif sains.

Kursus Tauliah Penyembelih anjuran Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dijalankan dengan kerjasama beberapa Pejabat Agama Islam Daerah (Paid).

"Kursus diadakan mengikut zon iaitu zon 1, 2 dan 3. Zon 1 ialah Paid Klang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Paid Sabak Bernam dipilih sebagai tuan rumah dan lokasi kursus bagi zon 1.

"Menerusi kursus tersebut, peserta diberi pendedahan berkaitan ilmu sembelihan korban menurut hukum syarak dan perspektif sains," kata kenyataan Jais pada 9 Jun.

Menurut jabatan itu, program tersebut

membantu peserta memahirkan diri dengan kaedah terbaik pemilihan ternakan selain melahirkan pengendali korban berkemahiran dan berpengetahuan.

"Peserta menduduki ujian bertulis dan lisan. Peserta yang diberi sijil penghargaan dan kad tauliah penyembelih korban," menurut kenyataan lagi.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memaklumkan 300 masjid dan surau terpilih menerima sum-

bangun ibadah korban sempena sambutan Aidiladha pada tahun ini.

Peruntukan RM6 juta disediakan untuk sumbangan ibadah korban pada tahun ini, meningkat sedikit berbanding tahun lalu berikutan peningkatan harga lembu daripada RM5,400 kepada RM6,000 seekor.

Bilangan ternakan korban juga bertambah, daripada 660 kepada 700 lembu manakala kambing kekal 1,000 ekor.



### LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH SELANGOR KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dan Kerajaan Negeri Selangor dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja berikut:-

Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh dan Tempat Taklimat Tender	Pembelian Dokumen	Waktu & Tarikh Tutup
<p><b>KERJA-KERJA MENGECAT SEMULA TUJUH (7) BLOK BANGUNAN LIMA (5) TINGKAT SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI BAWAH PROJEK SELANGOR PENYAYANG (PSP) DI PANGSAPURI TAMAN SERI LEMBAYUNG, SEKSYEN 25, SHAH ALAM, SELANGOR.</b></p> <p>No. Tender: LPHS/T/K/23/07</p> <p>No. Fail: LPHS.UPA.400-5/10/30</p>	<p>Kontraktor di Negeri Selangor</p> <p>Dan</p> <p>Berdaftar dengan CIDB</p> <p>Gred: G3</p> <p>Kategori: B</p> <p>Pengkhususan: B14 (Kerja-Kerja Cat)</p> <p>Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)</p> <p>Dan</p> <p>Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor</p>	<p>RM150.00</p> <p>Pembayaran Secara Online (FPX) Melalui Sistem Tender Selangor</p> <p>(Dokumen hanya akan dijual kepada syarikat yang hadir Lawatan Tapak)</p>	<p>Tarikh: <b>Khamis 22 Jun 2023</b></p> <p>Masa: 11.00 Pagi</p> <p>Tempat: <b>Pejabat Pengurusan Pangsapuri Taman Seri Lembayung, Seksyen 25, Shah Alam</b></p> <p>Kehadiran Taklimat adalah <b>Wajib</b></p> <p>(Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat sebut harga dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil)</p>	<p>Bermula <b>23 Jun 2023</b></p> <p>sehingga <b>19 Julai 2023</b></p>	<p><b>20 Julai 2023 (Khamis)</b></p> <p>Jam 12.00 tengah hari</p>

Dokumen Meja Tender boleh disemak bermula pada **16 Jun 2023 (Jumaat)** pada waktu pejabat di Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) - Bahagian Khidmat Pengurusan. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **016 - 330 1330 (Unit Perolehan Dan Aset)**.

Dokumen Tender **hanya akan dijual kepada Syarikat yang hadir Lawatan Tapak melalui Sistem Tender Selangor iaitu di <https://tender.selangor.gov.my>.**

Lawatan Tapak hanya boleh dihadiri oleh **penama yang dinamakan** di dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja**. Untuk maksud ini, penama tersebut hendaklah **membawa dokumen asal Kad Pengenalan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan salinan Pengesahan Pendaftaran dengan UPEN serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut** semasa membeli dokumen Tender. **SILA BAWA BERSAMA COP SYARIKAT.**

Dokumen Tender hendaklah diserahkan secara **Hardcopy** yang telah lengkap diisi **dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang menyatakan tajuk kerja serta nombor Tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender **seperti waktu dan tarikh yang ditetapkan diatas kepada:**

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor  
Tingkat 5, Podium Utara  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
40503 SHAH ALAM  
Selangor Darul Ehsan

Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran Tender.

Sebarang pindaan kepada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan di dalam iklan ini adalah **tertakluk kepada arahan-arahan oleh pihak Kerajaan Malaysia yang sedang berkuat kuasa dari masa ke semasa.**

Kenyataan Tender ini juga boleh dirujuk melalui Laman Sesawang Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor iaitu <http://lphs.selangor.gov.my> dan Sistem Tender Selangor <https://tender.selangor.gov.my>.

Tarikh: 16 Jun 2023

## 6,905 pinjaman buku

**SABAK BERNAM** - Penjenamaan semula Perpustakaan Awam Selangor di daerah ini menarik kehadiran hampir 16,000 pengunjung antara Januari hingga Mei.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) berkata bilangan itu hampir menyamai kunjungan sepanjang tahun lalu iaitu 16,491 orang ke perpustakaan awam daerah berkenaan.

Menjelaskan premis itu dibuka tujuh hari seminggu kecuali cuti umum, Datin Paduka Mastura Muhamad berkata pinjaman buku sepanjang tempoh tersebut menggalakkan iaitu 6,905 naskhah.

"Dalam tempoh lima bulan pertama,

statistik penggunaan perpustakaan ini meningkat dan hampir menyamai statistik 12 bulan tahun lalu," katanya.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis penjenamaan semula perpustakaan tersebut yang disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di sini pada 9 Jun.

Mastura menjelaskan kemudahan baharu di situ antaranya perkhidmatan multimedia termasuk 19 komputer, kemudahan seminar, ruang menonton televisyen, ruang bacaan dan rujukan.

"Selain itu, bahagian kanak-kanak, ruang bacaan luar dan ruangan retro yang mempamerkan barangan antik seperti televisyen antik dan pinggan mangkuk lama," katanya.

## RM35,000 untuk Kafa

**SHAH ALAM** - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyumbang dana RM35,000 kepada Kafa Integrasi Desa Permai Parit 8, Sabak Bernam.

Eksekutif Penerangan dan Dakwahnya Ibnu Hubain Abdul Aziz berkata bantuan itu bagi membaik pulih bangunan institusi berkenaan demi manfaat guru dan pelajar.

"Dana wakaf ini hasil kutipan tunai orang ramai yang disalurkan untuk mereka yang memerlukan," katanya di Facebook pada 6 Jun.

Beliau turut mengajak orang ramai melaksanakan wakaf tunai melalui PWS demi meningkatkan ekonomi dan sosial umat Islam seterusnya menyalur sumbangan kepada sekolah, surau dan masjid.

Bersyukur atas manfaat itu, Ketua Guru Kafa Nurliaza Napih berkata bantuan tersebut akan digunakan bagi membaiki bumbung yang usang.

"Diharap lebih ramai lagi menyalurkan sumbangan wakaf bagi mereka yang memerlukan," katanya.

## Mohon dermasiswa LZS

**SHAH ALAM** - Pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di Selangor yang layak menyambung pengajian di Mesir dan Jordan dipelawa memohon dermasiswa.

Menurut Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), permohonan tajaan pendidikan dari Lembaga Zakat Selangor (LZS) dibuka sehingga 25 Jun.

Pemohon mesti pelajar yang telah membuat permohonan ke Mesir dan Jordan melalui Kementerian Pengajian Tinggi. Syarat kelayakan boleh disemak menerusi [pengaji.tinggi.jais.gov.my](http://pengaji.tinggi.jais.gov.my)

Untuk pertanyaan, hubungi Unit Pengajian Tinggi dan Sepanjang Hayat Bahagian Pendidikan Islam Jais melalui talian 03-5514 3400 atau WhatsApp 010-343 7054.

LZS juga menyediakan RM32.6 juta untuk 67,798 pelajar prasekolah hingga peringkat menengah dari kalangan keluarga asnaf fakir dan miskin serta mualaf meliputi yuran dan kelengkapan persekolahan.

Bantuan itu diagih kepada 899 murid prasekolah, 37,679 (sekolah rendah kebangsaan/sekolah rendah agama) dan 36,894 (sekolah menengah kebangsaan/sekolah menengah agama).



**PAMER...** Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Dato' Mahmud Abbas (dua, kanan) menyaksikan jersi sempena majlis prapelancongan Perlumbaan Antarabangsa Selangor (SIR) 2023 di ibu pejabat PKNS, Shah Alam pada 12 Jun. Foto HAFIZ OTHMAN

Abd Halim atlet para terbaik

# Kutipan 50 emas atasi sasaran awal

Oleh **AFIX REDZUAN**

**SHAH ALAM** - Kontinjen paralimpik negara mempamer prestasi cemerlang mengutip 50 pingat emas, 38 perak dan 35 gangsa dalam temasya Sukan Para Asean (APG) 2023 di Kemboja pada 3 hingga 9 Jun.

Pencapaian itu mengatasi sasaran awal 33 emas yang diumumkan Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) selain memperbaiki keputusan 36 emas, 20 perak dan 14 gangsa di Solo, Indonesia tahun lalu.

Presiden MPM Datuk Seri Megat D Shahrizan berkata kejayaan menduduki tempat keempat keseluruhan membuktikan barisan atlet sedia ada mam-

pu menggalas tanggungjawab sekali gus program akar umbi menampakkan hasil di Kemboja.

"Malaysia mungkin mengikut langkah sama seperti Thailand dan Indonesia, mereka menghadirkan atlet baharu dan berpengalaman dalam temasya ini. Ia boleh menjadi langkah bagi edisi akan datang dalam menghadirkan pingat.

"Saya mengharapkan kontinjen yang lebih besar dapat dibawa dalam temasya akan datang sekali gus semua pihak harus membantu meningkat serta memperkembangkan lagi bakat atlet para di Malaysia untuk dibawa mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa," katanya seperti dilapor Stadium Astro.

Tanpa dibarisi juara dunia seperti Dattuk Latif Romly, Cheah Liek Hou dan Ziyad Zolkefli, Malaysia membariskan 144 atlet dengan 62 daripadanya membuat penampilan sulung.

Atlet renang Abd Halim Mohammad muncul atlet terbaik negara dengan merangkul lima emas dan satu gangsa serta mencatat nama sebagai pemegang rekod tiga acara renang iaitu 200 meter (m) rampaian individu lelaki, 50m gaya bebas lelaki dan 50m kuak dada lelaki bagi kategori S8-kecacatan fizikal.

Skuad renang menyumbang 26 emas diikuti olahraga (15), ping-pong, angkat berat dan badminton (dua) manakala masing-masing satu emas menerusi judo, boccia serta bola sepak.

## PKNS anjur lumba basikal 145km

**SHAH ALAM** - Seramai 1,000 termasuk pasukan antarabangsa bakal menyertai pertandingan lumba basikal Selangor International Race (SIR) 2023 anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) 25 Jun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS Dato' Mahmud Abbas berkata nama besar yang mengesahkan penyertaan antaranya pasukan nombor satu Asia, Terengganu Polygon Cycling Team (TSG) selain pasukan dari Singapura.

"Pertandingan ini melibatkan lapan

kategori lelaki dan wanita sejauh 145 kilometer (km) dan acara khas melibatkan kenamaan sejauh 35km. Ini menjadi medan tempur nama besar antaranya dari Indonesia, Singapura dan England.

"Laluan bermula dan berakhir di ibu pejabat PKNS. Peserta akan menempuh laluan rata, beralun dan kawasan lapang selain melalui beberapa lokasi menarik seperti Selangor Fruit Valley," katanya pada 12 Jun.

Mahmud berkata pertandingan ju-

lung kali yang menawarkan hadiah keseluruhan RM64,000 itu dijangka disertai DTYM Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

"SIR mendapat sambutan menggalakkan. Dalam tempoh sebulan dibuka, pendaftaran mencecah lebih 1,000 dan kita terpaksa hadkan kepada 1,000 peserta terawal sahaja.

"Berikutan itu, kita akan jadikan program sukan ini sebagai acara tahunan. Secara tidak langsung ia dapat mempromosikan PKNS dan negeri ini."

## Lebih 1,000 sertai larian Rawang Bypass

**SHAH ALAM** - Lebih 1,000 peserta termasuk dari luar negara menyertai larian di Lebuhraya Rawang Bypass pada 11 Jun.

EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman berkata program kali kedua itu melibatkan kategori 12 kilometer (km) serta 21 km yang menawarkan hadiah terkumpul sehingga RM24,000.

"Program berlangsung dari jam 4 pagi hingga 10 pagi. Kita menerima pendaftaran penyertaan lebih 2,000 namun pagi ini lebih separuh daripadanya menyertai," katanya.

Beliau berkata program diperkenalkan tahun lalu bertujuan menggalak orang ramai bergiat dalam acara larian seterusnya menyuburkan lagi kegiatan sukan.

Tahun lalu, program julung kali diadakan itu menarik penyertaan kira-kira 5,000 peserta dari 24 negara.

## Perlumbaan LTdL bermula September

**SHAH ALAM** - Majlis Sukan Negara (MSN) giat melakukan persiapan menjelang perlumbaan berprestij Le Tour de Langkawi (LTdL) 2023 yang bakal berlangsung pada September.

Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh berkata pengumuman kali ini unik memandangkan peruntukan hanya diluluskan pada April di Parlimen tetapi MSN mampu menguruskan perkara itu dalam waktu singkat.

"Ia akan diuruskan MSN dan akan diadakan pada September," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 11 Jun.

Pada tahun lalu, LTdL yang menjadi sebahagian perlumbaan ProSeries UCI pada Oktober melibatkan lapan peringkat saingan dengan jarak keseluruhan membabitkan 1,096.9 kilometer.

## Ayron mahu buru lebih banyak gol

**SHAH ALAM** - Penyerang Selangor FC Ayron Del Valle mahu memburu lebih banyak gol bagi membantu pasukannya berada di tahap terbaik.

Pemain dari Colombia itu berkata sokongan pasukan memberikannya lebih keyakinan menerusi 13 gol selepas 14 perlawanan, dua gol dibelakang tonggak Johor Darul Ta'zim Fernando Forestieri, lapor Berita Harian.

"Saya gembira kerja keras selama ini membuahkan hasil yang baik untuk diri dan juga pasukan. Jaringan hatrik dalam perlawanan berdepan Kelantan United tempoh hari bukanlah pengakhiran.

"Sasaran saya adalah untuk terus menyumbang gol serta bantuan gol kepada pasukan bagi mencapai misi Selangor FC musim ini serta memastikan pasukan berada di tahap terbaik dalam setiap perlawanan," katanya.



**NG SUEE LIM**  
Sekinchan

menyantuni orang ramai dalam program Hari Keluarga BINGKAS di kawasan DUN beliau

**BORHAN AMAN SHAH**  
Tanjung Sepat

menyampaikan sumbangan kepada wakil persatuan di pusat khidmat DUN beliau



**SAARI SUNGIB**  
Hulu Kelang

meninjau program pemeriksaan kesihatan percuma di Taman Melawati, Gombak

**JUWAIRIYA ZULKIFLI**  
Bukit Melawati

bergotong-royong menanam pokok di Kampung Teluk Penyamun, Kuala Selangor



**WONG SIEW KI**  
Balakong

bersama peserta kursus penyediaan makanan halal di Kajang

**DATUK ROSNI SOHAR**  
Hulu Bernam

mengagih barangan jualan murah di Kampung Seri Keledang, Hulu Bernam



**HALIMEY ABU BAKAR**  
Seri Setia

menziarahi penduduk yang uzur di Sungai Way, Petaling Jaya

**AHMAD MUSTAIN OTHMAN**  
Sabak

bersama sukarelawan menyertai pembersihan kawasan pekan Sabak



## Sukan Sawah DUN Permatang meriah

**SHAH ALAM** - Sukan Sawah peringkat Dewan Undangan Negeri Permatang berlangsung meriah berikutan hampir 100 penduduk mengambil bahagian dalam pelbagai acara.

Wakil rakyatnya Rozana Zainal Abidin berkata program di tapak Blok EQSW pada 5 Jun ber-



tujuan mengajak penduduk mengamal gaya hidup sihat selain mengeratkan ukhuwah.

"Tahniah kepada penganjur yang menarik kira-kira 100 peserta menyertai pelbagai acara terutama anak muda yang mengisi masa lapang mereka dengan kegiatan seperti ini.

"Bukan sahaja anak muda, malah ibu bapa juga memberi sokongan menggalakkan sekali gus matlamat mengeratkan silaturahim sesama penduduk dan pemimpin masyarakat tercapai," katanya.

Selain pertandingan bola sepak benang, Sukan Sawah turut menganjurkan sukan bujang lawan kelamin, motor cross 4T, 2T dan cabutan bertuah.

**Belanja RM400,000**

## Bina kolam tadahan atasi banjir

**SUBANG JAYA** - Kolam tadahan banjir dibina menerusi peruntukan RM400,000 di kawasan perindustrian USJ 1/2 di sini mulai bulan depan bagi mengatasi isu banjir di kawasan itu.

Wakil rakyat Subang Jaya Michelle Ng berkata pembinaan yang dijadual siap dalam tempoh enam bulan dijangka melegakan pemilik industri dan penduduk setempat.

"Kita bukan sahaja membina kolam tadahan banjir tetapi juga penyelenggaraan dan naik taraf kemudahan awam.

"Inisiatif bawah peruntukan projek Selangor Penyayang di harap melegakan penduduk sekitar," katanya pada 7

Jun sambil menambah projek itu dikendalikan Jabatan Pengairan dan Saliran.

Beliau berkata projek itu penting berikutan kawasan tersebut dilanda bah besar pada Disember 2021 dan Mac 2022 yang mengakibatkan kerugian kepada pemilik industri dan 10,000 penduduk.

Katanya, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha menyelesaikan pelbagai isu kepentingan rakyat demi kesejahteraan bersama.

Menerusi Belanjawan 2023, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari



mengumumkan sejumlah RM28 juta diperuntukkan di bawah inisiatif projek Selangor Penyayang sebagai usaha mempergiat dan merencanakan ekonomi setempat dengan penyediaan projek kecil demi manfaat rakyat setempat.

Keutamaan bagi pelaksanaan projek itu akan diberikan kepada projek penyelenggaraan dan menaik taraf infrastruktur serta pembangunan kemudahan awam kerajaan termasuk yang tidak mempunyai peruntukan penyelenggaraan tahunan.

## Edar 100 beg baja, galak cucuk tanam

**SHAH ALAM** - Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Utama mengedar 100 beg baja kepada penduduk yang mengusahakan tanaman di laman sendiri atau kebun komuniti.

Wakil rakyatnya Jamaliah Jamaluddin berkata pengagihan itu sebagai galakan kepada mereka untuk



bercucuk tanam selain memupuk semangat kejiranan.

"Kami edar 100 beg baja yang kaya dengan nutrien kepada persatuan penduduk di DUN dengan hasrat memupuk kejiranan mampan dan berkembang maju.

"Bersama-sama, kita menggalakan kebun komuniti yang meriah serta membina semangat komuniti yang lebih

kuat," katanya di Facebook pada 5 Jun.

Tambahnya, pemberian itu juga mempromosi amalan kelestarian alam untuk kebaikan generasi masa datang sejajar matlamat Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menjadi bandar rendah karbon.

Sebelum ini, MBPJ memaklumkan 25 peratus kawasan hijau berkeluasan 97.2 km persegi diwujudkan dalam kawasan pentadbirannya.

## Salur dana seminar kaunseling Islam

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM2,500 disumbangkan Dewan Undangan Negeri Sungai Ramal untuk Pertubuhan Alumni Pendidikan Dar al-Hikmah.

Wakil rakyatnya Mazwan Johar menjelaskan dana berkenaan bagi membantu pertubuhan tersebut menjayakan seminar memperkasa kaunseling Islam.

"Seminar ini juga bertujuan mengenal pasti isu dan cabaran pelaksanaan dasar Madani dalam kaunseling Islam.

"Dalam masa sama, mengetengahkan Kolej Dar Al-Hikmah sebagai Pusat Kaunseling Islam dalam membangun negara Madani," katanya pada 7 Jun.

## Bantu rakyat daftar air percuma

**PETALING JAYA** - Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Lanjan terus mempergiat usaha menyeru orang ramai mendaftar skim air percuma 20 meter padu.

Elizabeth Wong mengakui ramai belum mengetahui tentang Skim Air Darul Ehsan berdasarkan penganjuran program pendaftaran bergerak di beberapa lokasi sekitar kawasannya.

"Selesai di Bandar Sri Damansara, Taman Ehsan, Taman Bidara dan Kepong Ulu. Pada masa sama kami bantu daftar air percuma. Jumlah borang yang diisi melebihi 1,500," katanya pada 9 Jun.

Beliau menjelaskan kaunter bergerak memudahkan warga emas untuk mendaftar Skim Mesra Usia Emas yang melayakkan mereka menerima manfaat Jom Shopping.

## Tampung kos selenggara motor

**SHAH ALAM** - Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Kubu Bharu mengedar 240 baucar minyak hitam motosikal pada 6 Jun.

Wakil rakyatnya Lee Kee Hiong berkata baucar bernilai RM40 diedar kepada pemilik motor dalam kalangan pengundi DUN berkenaan.

"Ini kempen kesedaran sempena Hari Alam Sekitar yang disambut baru-baru ini dan kita ingin mengajak masyarakat setempat untuk segera menukar minyak hitam motor mereka.

"Sedikit sebanyak mengurangkan beban yang ditanggung mereka khususnya melibatkan kos alatan kelengkapan yang tinggi," katanya.

Beliau menambah baucar berkenaan khusus untuk minyak hitam yang mesra alam sekitar dan hanya boleh ditebus di kedai motor terpilih.


"Jika diberi peluang dan dapat lebih banyak peruntukan pada penggal akan datang, kita buat lagi program seperti ini bagi membantu lebih ramai penunggang motosikal," katanya.

### AHLI DEWAN NEGERI PAYA JARAS

### **KHAIRUDDIN OTHMAN**

- **Umur:** 50 tahun
- **Falsafah hidup:** Berdikari
- **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:** Peguam

- **Alamat pejabat ADN:** Tingkat 1, No 19A Jalan Liter D U19/D Fasa 3 Bandar Baru Sungai Buloh
- **Nombor telefon ADN:** 03-4260 2205
- **Facebook:** Pejabat Wakil Rakyat DUN Paya Jaras
- **E-mel:** wakilrakyat.n38@gmail.com





## Angkat kisah perjuangan guru

**SHAH ALAM** - Sumbangan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim terus diketengahkan menerusi pementasan teater berjudul 'Cikgu Anda' selepas filem Anwar: The Untold Story.

Karya itu mengimbuai sejarah penubuhan Yayasan Anda Akademik (YAA) sebagai institusi pendidikan swasta yang menampung pelajar luar bandar tercicir pelajaran.

Anwar selaku penaung Persatuan Alumni Yayasan Anda Akademik Malaysia menyifatkan naskah berkenaan bagaikan penghargaan buatnya, lapor Berita Harian.

"Kita bernostalgia sedikit, tidak semua dipentaskan tepat kerana ceritanya hanya fokus pada saya. YAA didirikan oleh pasukan tenaga pengajar yang saya hormati dan satu institusi sangat berhemah," katanya.



**Pelawak Abon (dua, kanan) dalam pementasan teater 'Cikgu Anda' di Hotel Grand Barakah, Kuala Lumpur pada 10 Jun.**

Foto BERNAMA

## Pesta Pantai Kelanang 17 Jun

**SHAH ALAM** - Orang ramai dipelawa menyertai Pesta Kelaut 2023 di Pantai Kelanang, Kuala Langat pada 17 Jun antara jam 7.30 pagi hingga 3 petang.

Menurut Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), pelbagai acara menarik disediakan antaranya pertandingan mencari pepahat, sukan rakyat dan swafoto kreatif.

"Ada juga reruai pameran pelbagai agensi seperti Tourism Selangor, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat), Institut Kraf Negara dan lain-lain.

"Juga jualan produk seni kraftangan, persembahan tarian tradisional dan demonstrasi masakan serta kesenian," kata kenyataan pada 8 Jun.

Sebarang pertanyaan hubungi Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat di talian 03-3180 3694 atau 012-300 4891.

## 3,000 individu turut terima caruman KWSP

# Penghantar barang dapat RM500

Oleh **SOFIA NASIR**

**SHAH ALAM** - Seramai 3,000 pekerja p-panggilan di negeri ini menerima wang tunai RM500 dan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bernilai RM50 setiap seorang.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan bantuan keseluruhan RM2 juta menerusi Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) merangkumi pekerja pelbagai syarikat p-panggilan.

Menjelaskan 5,358 permohonan diterima tahun ini, beliau berkata pentadbiran negeri juga sedia menambah

peruntukan RM1 juta bagi membantu baki kira-kira 2,000 lagi pekerja itu.

"Kita mahu semua orang dapat, barulah kita boleh panggil 'blood brothers' (sahabat sejati). Mereka yang tidak dapat hari ini akan terima bantuan sebelum September," katanya pada 10 Jun.

Beliau menyerahkan sumbangan itu dalam Festival Belia Selangor. Turut hadir, EXCO Pembangunan Generasi Muda Mohd Khairuddin Othman dan Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Mohamad Nizam Marjugi.

Selain itu, Amirudin mahu membangkitkan isu kebajikan pekerja p-panggilan dalam sidang parlimen akan datang

berikutan kadar upah tidak setimpal.

"Isu pekerja p-panggilan ini ada macam-macam perkara, antara yang sering dibangkitkan isu 'tips' atau bayaran tidak sekata. Begitu juga dengan hal KWSP mereka," katanya.

Beliau menegaskan kerajaan perlu memandang serius nasib pekerja p-panggilan berikutan pekerjaan berkenaan antara pilihan ramai anak muda masa kini.

"Mereka ini menyampaikan keperluan masyarakat dan kita pernah bergantung kepada mereka ketika pandemik. Penghargaan seharusnya diberi kepada mereka," katanya.

## Pilihan raya negeri Selangor

# PILIHAN ANDA

# PILIHAN TERBAIK

demi kemajuan ekonomi

demi perpaduan rakyat

demi kesejahteraan bersama

